



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Kebenaran Cuti kepada:**

Y.B. Dr Leo Michael Toyad

Y.B. Dato Lew Sip Hon

Y.B. Tuan Mustaffa bin Mohammad

} [Ruangan 4293]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4294]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 4333]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif [Ruangan 4333]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb Oktober, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA

**Cuti Y.B. Dr Leo Michael Toyad  
Y.B. Dato Lew Sip Hon  
Y.B. Tuan Mustaffa bin  
Mohammad—Kebenaran**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad dari 15 Oktober, 1984 hingga 30hb November, 1984;
- (2) Yang Berhormat Dato Lew Sip Hon dari 8hb Oktober, 1984 hingga 30hb November, 1984;
- (3) Yang Berhormat Tuan Mustaffa bin Mohammad dari 8hb Oktober, 1984 hingga 25hb Oktober, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PERJANJIAN BEKALAN  
PEKERJA-PEKERJA  
DENGAN INDONESIA

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada perjanjian Bekalan Pekerja-pekerja dengan Indonesia telah disahkan, jika sudah, bilakah masanya.
- (b) berapa ramai pekerja-pekerja Indonesia yang telah dibawa masuk ke Malaysia di bawah perjanjian ini sehingga akhir September, 1984 dan di marakah mereka bekerja; dan
- (c) dengan kuatkuasanya perjanjian tersebut, bagaimanakah kedudukan orang yang telah dihantar balik ke Indonesia sehingga hari ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh seseorang Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri menandatangani adalah berkuatkuasa dari tarikh ianya ditandatangani. Sebagai percubaan, seramai 100 orang buruh ladang dari Indonesia telah dibawa masuk dan sekarang ini bekerja di United Plantation Estate, Sabak Bernam.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini beberapa kali, Kerajaan sentiasa bertindak tegas ke atas pendatang-pendatang haram dari mana-mana negara sekalipun. Dalam hubungan ini, sama ada ada perjanjian ataupun tidak, mereka yang masuk ke negara ini secara haram tetap dianggap pendatang haram. Sekiranya dikesan mereka akan ditangkap, didakwa dan diusir keluar. Jumlah pendatang haram Indonesia yang ditangkap dan diusir keluar semenjak tahun 1975 hingga Jun, 1984 ialah 17,599 orang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah masanya sudah sampai di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan lagi berpura-pura bahawa tidak tahu mengenai masalah pendatang haram daripada Indonesia yang angka 100,000 atau 200,000 yang ada bekerja di pendalaman. Sebenarnya apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan mengenai golongan-golongan pendatang haram ini. Adakah kedudukan mereka sekarang akan disahkan dengan dikeluarkan sijil-sijil atau apa-apa yang sah atau mereka akan dihantar balik, dan bukan datang ke Dewan ini yang berpura-pura tidak tahu akan kesan akan hantar balik, semua tahu. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu?

Kedua, sungguhpun ada perjanjian ini ditandatangani oleh kedua-dua pihak, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kedatangan pendatang-pendatang haram dari Indonesia tidak berhenti, terus ada di Johor, di Melaka, bahawa perjanjian ini tidak berkesan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan tadi memang Kerajaan memandang serius terhadap mereka yang masuk ke negara ini secara

haram, baik pun daripada Indonesia, Thailand dan negara-negara lain dan pihak Kerajaan melalui pasukan polis menjalankan operasi untuk mengesan, menangkap dan mendakwa mereka. Jika terdapat maklumat-maklumat yang berguna daripada Ahli Yang Berhormat, sila sampaikan kepada Kementerian untuk tindakan sewajarnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua belum dijawab.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perjanjian membawa masuk pekerja-pekerja dari Indonesia tiada sangkut paut dengan pendatang haram.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada usaha membawa masuk pekerja-pekerja Indonesia itu di bawah perjanjian bekalan pekerja-pekerja akan diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri sahaja atau agensi-agensi pekerjaan swasta, iaitu Private Employment Agencies, akan dibenarkan menguruskannya.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diterangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, kemasukan pekerja-pekerja dari Indonesia ialah berasas daripada permintaan daripada pihak-pihak swasta dan juga pihak-pihak Kerajaan. Mereka yang datang ke sini hanya atas permintaan Kerajaan Malaysia sahaja.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pendatang haram daripada Indonesia marah benar, kalau sekiranya pendatang haram dari Vietnam nampaknya ada orang yang menyokong. Saya hendak bertanya mereka yang datang ke negara kita ini dikontrakkan berapa lama dan kalau mereka ini ingin tinggal menetap, di sini adakah mereka ini dibenarkan

membuat permohonan atau apa-apa tindakan supaya mereka yang perlu untuk negara kita patut dikekalkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang dibawa masuk dari Indonesia mengikut perjanjian yang telah ditandatangani akan bekerja di sini selama 2 tahun sahaja. Mereka yang ingin menetap di sini akan membuat permohonan seperti siapa sahaja sekalipun dan, mengikut perjanjian yang telah ditandatangani, selepas kontrak mereka tamat, mereka akan dihantar balik ke Indonesia.

### ROMPAKAN DI KEDAI EMAS

**2. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan rompakan di kedai-kedai emas sering berlaku, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan kejadian seumpama ini dan sama ada kedai-kedai emas dipasang dengan alat-alat moden untuk mencegah rompakan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1981 sehingga bulan Jun tahun ini, sebanyak 71 kes kejadian rompakan kedai emas berlaku di seluruh negara iaitu merupakan 0.45% dari peratusan jenayah keseluruhannya. Perangkaan ini menunjukkan keadaan jenayah jenis ini adalah terkawal dan tidak membimbangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut kajian pihak Polis dari 71 kes rompakan di atas hanya 40 buah kedai emas yang menggunakan alat-alat pencegah jenayah seperti, dengan izin, "closed circuit TV," loceng kecemasan, jaring besi, cermin kebal beserta pengawal keselamatan.

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas bagi mencegah kegiatan-kegiatan jenayah termasuk rompakan kedai emas.

Antara langkah-langkah ialah seperti berikut:

- (1) Mempertingkatkan lagi kawalan di kedai-kedai emas dengan menambah rondaan dan bit serta memberi perhatian khusus terhadap keselamatannya;
- (2) memperketatkan lagi kawalan di sempadan dan di pintu-pintu masuk untuk mengesan dan menyekat kemasukan senjata ke negara ini;
- (3) mengadakan perjumpaan dan mesyuarat dengan ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Kedai Emas bagi menerangkan tindakan-tindakan keselamatan yang wajar untuk diamalkan;
- (4) mempertingkatkan operasi-operasi bagi mengesan dan memberkas penjenayah dari masa ke semasa;
- (5) mempergiatkan risikan untuk mengesan mereka yang bertanggungjawab melakukan rompakan dengan menubuhkan Unit Risikan Jenayah di setiap Kontigen Polis.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa nampaknya kejadian rompakan bukan sahaja di kedai-kedai emas akar tetapi jenis rompakan yang lain telah kian bertambah khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah beliau sedar bahawa salah satu aduan yang dibuat oleh orang ramai ialah tentang kekurangan anggota-anggota polis untuk mengawal keadaan dan saya suka menjangka tahu apakah langkah jangka pendek ataupun jangka panjang yang hendak diambil oleh Kementerian yang berkenaan supaya dapat menambahkan anggota-anggota polis dalam menjaga keselamatan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang diakui

bahawa ada bertambahnya kejadian jenayah rompakan di negara ini tetapi ini bukanlah terlalu serius yang boleh mengakibatkan keselamatan negara kita terancam.

Walau bagaimanapun, kita perlu mengingati bahawa pertambahan ini adalah berkorelasi dengan pertumbuhan ekonomi, pembangunan yang pesat serta peningkatan kadar penduduk yang tinggi. Juga kita harus sedari bahawa sebab-sebab kejadian rompakan ini adalah kerana terdapat peluang-peluang yang terdedah oleh mangsanya sendiri, bermakna kita harus sedari bahawa walaupun mengawal keselamatan dan mencegah kejadian jenayah adalah tanggungjawab polis kita sendiri patut membuat sesuatu untuk mengelakkan ataupun mengurangkan peluang-peluang kepada penjenayah-penjenayah untuk melakukan rompakan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, ada 5 perkara yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi bagi mengelakkan rompakan-rompakan di kedai-kedai emas. Bolehkah pihak Menteri Dalam Negeri mewajibkan loceng kecemasan bagi apakala orang-orang yang hendak merompak itu diketahui oleh orang-orang di sekitarnya mungkin rakyat di sekitar itu akan menolong bagi yang kena rompak. Mewajibkan memakai loceng kecemasan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan tadi pihak polis selalu mengadakan mesyuarat dengan Jawatankuasa Persatuan Kedai Emas dan digalakkan supaya mereka mengadakan alat-alat keselamatan di kedai-kedai emas. Untuk hendak mewajibkan perkara ini bolehlah dipertimbangkan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin

tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar pegawai atau pengawal keselamatan di kedai-kedai emas itu biasanya orang tua yang telah pencen atau bersara dari anggota polis dan ini menjadi satu keadaan iaitu kedai-kedai emas itu menjadi mangsa yang senang untuk perompak.

Adakah pihak Kerajaan membuat syarat iaitu agensi-agensi keselamatan melantik pengawal keselamatan yang lebih muda, bukan orang tua?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memang Akta Agensi Perindustrian adalah di dalam perhatian Kementerian untuk dipinda dan diperbaiki.

#### MERACUNI FIKIRAN MURID-MURID—TINDAKAN GURU

3. **Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa di sekolah-sekolah terdapat ada di antara guru-guru yang di samping mengajar pelajaran wajib kepada murid-murid diselangi pula dengan pandangan-pandangan yang boleh meracuni fikiran murid-murid dan ke arah perpecahan, dan adakah harus bagi Kerajaan membuat sesuatu tindakan terhadap guru-guru seumpama ini; jika ya, apakah tindakan yang patut diambil sama ada dilucut jawatan atau dipotong gaji ataupun ditukarkan ke hujung-hujung negeri.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ullis):** Tuan Yang di-Pertua, setelah menjalankan beberapa penyiasatan Kementerian saya mendapati bahawa dakwaan secara rasmi mengenai guru-guru yang meracuni fikiran murid-murid ke arah perpecahan sebenarnya tidak ada. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus mengawasi mereka ini

dan sekiranya terdapat golongan guru-guru yang tersebut, tindakan disiplin akan diambil ke atas mereka sesuai dengan peruntukan yang ada di dalam Peraturan Am, Bab 'D'.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa belum ada lagi terdapat aduan-aduan mengenai wujudnya kumpulan tenaga pengajar baik di sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi yang menjalankan kegiatan meracuni pemikiran murid-murid dan penuntut-penuntut supaya murid-murid dan penuntut-penuntut ini mirip ke arah anti-Kerajaan. Oleh kerana perkara ini banyak ditimbulkan, saya ingin tahu sama ada pada masa-masa akan datang Kementerian ini akan menjalankan kajian di sekolah-sekolah dan juga maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi untuk memastikan sama ada benar ataupun tidak dakwaan-dakwaan daripada orang ramai di mana wujudnya tenaga pengajar ini yang di samping menjalankan tugas-tugas wajib mereka, mereka juga menjalankan dakyah-dakyah anti-Kerajaan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang di masa lepas pun kita sentiasa mengawasi. Sekarang dan masa akan datang pun kita terus mengambil tindakan untuk menentukan supaya aktiviti-aktiviti ini akan diawasi dan tindakan sewajarnya diambil. Memang sudah tentulah sebagaimana tadi saya sebutkan kita sentiasa mengawasi dan terus mengambil tindakan sewajarnya supaya dapat diselidiki, diawasi aktiviti ini.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran adakah beliau sedar perkara menghasut pelajar yang dilakukan oleh guru-guru yang

didatangi oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang terlalu berleluasa di sekolah-sekolah yang tidak mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan oleh Kerentarian Pelajaran. Jadi, adakah beliau sedar terdapatnya sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negara ini yang tidak mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan maka di sekolah inilah diresapi semangat anti kepada Kerajaan?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi setakat ini kita belum mendapat bukti-bukti yang jelas walaupun memang ada cerita-cerita termasuk apa yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat sendiri di Dewan ini bahawa memang wujud atau memang ada perkara ini berlaku, tetapi kita belum mendapat bukti yang jelas dan telah menjalankan penyiasatan-penyiasatan yang tertentu. Namun demikian kita akan berusaha supaya dapat perkara ini kita tentukan dan akan dapat kita ambil tindakan terhadap mereka ini.

#### AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—PENAHANAN PEMIMPIN PAS

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan nama-nama pemimpin-pemimpin PAS yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan beri alasan-alasan bagi penahanan bagi setiap orang tersebut dan mengapa Kerajaan tidak bersedia mendakwa mereka di mahkamah supaya memberi peluang kepada mereka membela diri.

**Tuan Razzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seorang pemimpin dan ahli PAS telah ditahan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri dar dua orang lagi dikenakan Perintah Sekatan di bawah Akta yang sama. Nama pemimpin dan ahli PAS

yang ditahan ialah Abu Bakar bin Chik manakala yang dikenakan Perintah Sekatan ialah Bunyamin bin Yaakob dan Mohamad bin Sabu.

Perintah tahanan dan perintah sekatan yang dikenakan terhadap mereka adalah kerana mereka telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang mengakibatkan perpecahan di kalangan masyarakat khususnya orang-orang Melayu dan umat Islam.

Pertulah ditegaskan di sini bahawa penahanan dan sekatan terhadap mereka bukanlah kerana mereka merupakan dari pemimpin atau ahli PAS.

Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa bukan semua jenayah mempunyai bukti yang cukup yang boleh disahkan dalam mahkamah. Dalam soal keselamatan negara kita bukan sahaja perlu menghukumkan mereka yang sudah melaku kesalahan tetapi kita perlu menghalang perbuatan mereka yang mengancamkan negara.

Dalam kes-kes terhadap tiga orang yang disebutkan tadi walaupun mereka tidak melakukan kesalahan-kesalahan jenayah yang tertentu yang boleh didakwa di mahkamah, perbuatan-perbuatan mereka jika dilihat keseluruhannya dan dibiarkan akan menimbulkan keadaan huru-hara dan mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penahanan pemimpin-pemimpin PAS di bawah I.S.A. disebabkan kegiatan mereka akan menjejaskan kedudukan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang akan datang? (*Ketawa*).

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu menjawab soalan itu.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kisahnya dengan "Kertas Putih" yang pernah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang akan dikeluarkan berhubung dengan penangkapan pemimpin-pemimpin parti pembangkang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapat penjelasan benarkah tidak berita sepasukan Polis di utara Malaysia telah pergi hendak menangkap salah seorang daripada pemimpin parti pembangkang akhirnya terpaksa meninggalkan kereta dengan pistol dan senapang bersama peluru dalam kereta Polis itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang pertama boleh dijawab. Soalan yang kedua jangan dijawab.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat akan bersabar sebab "Kertas Putih" yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat itu masih dalam persediaan terakhir untuk dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah Dewan yang mulia ini dalam Disember, 1982 ada meminda Kanun Jenayah untuk kategori-kategori dan kegiatan-kegiatan yang ada disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai orang-orang yang menggunakan isu agama untuk memecah belahkan masyarakat Malaysia? Adakah menunjukkan bahawa Kerajaan tidak cukup bukti untuk membawa ketiga-tiga orang yang ditahan atau disekat itu di bawah pindaan Kanun Jenayah?

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa "Kertas Putih" yang ada disebut tidak mengenai kegiatan-kegiatan mereka yang disebutkan

sebagai menggunakan isu-isu agama akan dibentangkan kepada Dewan sidang kali ini dan bukan di tahun 1986 atau 1987?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab yang kedua dahulu, iaitu bersabarlah kerana kita akan membentangkan "Kertas Putih" itu dalam Dewan yang mulia ini pada sidang ini juga.

Tentang jawapan kepada soalan yang pertama iaitu berkenaan dengan Seksyen 298A Kanun Keseksaan yang telah dipinda dan dilaksanakan memang Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap beberapa orang yang telah didapati boleh didakwa di bawah seksyen tersebut. Tetapi mereka-mereka yang disebut di sini memang tidak ada bukti untuk didakwa di bawah seksyen tersebut dan ditahan atau disekat mereka atas perbuatan-perbuatan mereka yang mungkin akan memecahbelahkan masyarakat orang Melayu terutama sekali orang-orang beragama Islam.

#### SISTEM MULLAH— TINDAKAN KERAJAAN

**5. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) siapakah/golongan manakah yang merancang untuk mewujudkan sistem MULLAH di Malaysia, seperti yang disebut oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Perutusan Hari Kebangsaan baru-baru ini;
- (b) adakah benar sistem ini merupakan sistem diktator dan mempunyai unsur-unsur fanatik yang kalau diamalkan di negara ini akan menimbulkan keadaan cemas dan huru-hara. Kalau ya, apakah langkah Kerajaan bagi menghadapi golongan yang berhasrat mewujudkan sistem demikian; dan

(c) sejauh manakah kesan negatif revolusi Iran telah menyerap ke dalam masyarakat di Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, golongan yang merancang untuk mewujudkan sistem Mullah di Malaysia ialah individu-individu yang sedang berusaha mencari dan mengumpul beberapa banyak yang boleh pengikut-pengikut yang boleh mengikut sahaja pendapat dan keputusannya tanpa bantahan dan tanpa perbincangan. Keputusan mengenai sesuatu perkara adalah muktamad dan segala cakupannya adalah dianggap benar belaka. Sistem permerintahan Mullah adalah sistem yang berdasarkan keputusan seorang diri tanpa mempunyai tatacara yang tertentu termasuk perkara-perkara jenayah. Sistem ini akan menimbulkan keadaan yang tidak tenang dalam masyarakat. Kerajaan sekali-kali tidak bersetuju dengan sistem ini dan berusaha membentarasnya dari awal lagi. Langkah yang diambil ialah dengan memberi penerangan yang jelas kepada rakyat jelata dan membongkar rahsia individu-individu yang berkenaan jika perlu.

Kerajaan sedang mengenal pasti kesan-kesan revolusi Iran ke dalam masyarakat di Malaysia untuk mengetahui sejauh mana kesannya jika ada.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri saya rasa tidak cukup jelas dengan soal-soal yang berikutnya. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu ialah bagi soalan (a) tetapi soalan (c) saya rasa belum dijawab.

Dan soalan tambahan saya, adakah dalam "Kertas Putih" yang akan dibentangkan dalam Parlimen ini akan

juga menerangkan mengenai kegiatan-kegiatan golongan atau orang-orang yang tertentu yang berusaha mewujudkan sistem Mullah di Malaysia ini?

**Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat kurang jelas tentang statement yang saya sebutkan diakhirnya iaitu Kerajaan sedang mengenal pasti jika ada kesan-kesan revolusi yang berkenaan.

Mengenai dengan perkara yang kedua seperti yang dibangkitkan dalam soalan tambahan, saya fikir akan tiba masanya nanti.

### JEMAAH HAJI—SISTEM MUASASAH

**6. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan dan kegagalan sistem muasasah yang dikenakan kepada bakal-bakal haji kita pada tahun ini. Adakah benar negara-negara Arab sendiri menolak sistem muasasah ini kerana Sheikh-sheikh Haji tak bertanggungjawab sepenuhnya kepada jemaah haji.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, sistem Muasasah mula-mula diwujudkan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam tahun 1981 iaitu bagi jemaah-jemaah haji dari negara-negara Turkey, Eropah dan Amerika. Pada tahun 1982, sistem ini dikenakan kepada jemaah haji daripada Iran. Pada tahun 1983, sistem ini juga dikenakan kepada jemaah haji dari Asia Selatan iaitu India, Pakistan, Bangladesh, Burma dan Sri Lanka.

Mulai tahun ini sistem tersebut dikenakan kepada jemaah haji daripada Asia Tenggara, manakala bagi negara-negara Arab pula sistem ini adalah difahamkan akan dilaksanakan pada tahun hadapan, dan

dengan itu tidak dapat dipastikan sama ada negara-negara Arab sendiri menolaknya. Sistem ini bertujuan dan mempunyai hasrat yang baik iaitu sebagai mencari jalan untuk memperbaiki sistem sheikh haji yang tidak sunyi dari kecaman jemaah haji dahulu akibat dari soal-soal layanan yang tidak mendapat pembelaan kepada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun oleh kerana sistem muasasah ini adalah pertama kali dilaksanakan bagi jemaah haji Asia Tenggara, masalah timbul ialah berpunca daripada pengurusan dan pelaksanaan peruntukan sistem itu, terdapat juga keterangan seolah-olah dari pihak sheikh-sheikh haji, dan bukan semua, yang cuba mengagalkan sistem ini, maka tentulah sistem ini tidak dapat menghasilkan kejayaan sepenuhnya.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sebelum daripada sistem muasasah ini dilaksanakan oleh pihak yang berkuasa Saudi Arabia, apakah sistem ini telah dirundingkan lebih dahulu dengan pihak Tabung Haji yang berkenaan dan apakah ciri-ciri kelemahan dalam sistem muasasah ini tidak nampak ataupun tidak diteliti oleh pihak Tabung Haji kita.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan tadi sistem ini dikenakan oleh Kerajaan Saudi Arabia dan mereka telah memberitahu kita bahawa sistem ini akan dilaksanakan dan peringkat awal ini sudah tentu kita tidak dapat melihat mana dia kelemahan dan mana dia kebaikan, oleh kerana mengikut keterangan yang diberi itu sudah tentu kita menyangkakan sekiranya pelaksanaan ini dapat berjalan dengan baik maka sudah tentulah ianya juga akan memberi kesan kebaikannya kepada jemaah kita.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan membuat perbandingan kejayaan yang ditempa oleh Tabung Haji Malaysia dengan yang ditempa oleh Tabung Haji Indonesia, kerana saya mempunyai pengalaman yang khusus dalam perkara ini. Saya dapati jemaah haji Indonesia walaupun muasasah pengalaman pertama bagi mereka, tetapi tidak mempunyai masalah apa-apa baik dari segi perumahan dan pengangkutan, kerana mereka telah mengkaji dengan sedalam-dalamnya sistem muasasah ini. Oleh sebab yang demikian, jemaah mereka tidak menghadapi apa-apa masalah, dan saya diberitahu mereka mempunyai hanya satu syarikat transport untuk membawa pulang balik jemaah haji daripada mana-mana tempat di Saudi Arabia, manakala Tabung Haji menggunakan 9 syarikat yang menyebabkan pada satu masa 3 syarikat tidak mencukupi penumpang, dan tiga bas tidak bergerak pada satu malam sehingga pagi besoknya.

Yang kedua, saya hendak bertanya kenapakah jemaah haji Indonesia membayar harga rumah yang lebih murah jika dibandingkan dengan jemaah haji Malaysia untuk tinggal di rumah yang sama, di mana jemaah haji Indonesia dan jemaah haji Malaysia duduk di satu rumah, tetapi jemaah haji Malaysia membayar lebih sebanyak 400 rial.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama adalah kurang tepat, bahawa jemaah dari Indonesia ini tidak menghadapi masalah, oleh kerana mereka telah berhubung dengan kita supaya bersama-sama berunding dengan pihak Kerajaan Saudi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul, seperti yang saya katakan tadi oleh kerana muasasah bagi Asia Tenggara juga termasuk golongan jemaah daripada Indonesia.

Mengenai masalah pengangkutan yang disebutkan tadi, ini ada kaitan dengan perkara pelaksanaan yang mana kita terlewat sedikit diberi untuk menempah bas-bas yang sepatutnya mengangkut jemaah kita, sehinggalah oleh kerana terlewat ini bas-bas yang berhawa dingin umpamanya tidak dapat dibekalkan. Jadi timbullah masalah-masalah seperti kita tidak dapat bas-bas yang lain. Sama ada jemaah haji daripada Indonesia ini membayar lebih murah daripada kita, ini terpulang kepada kemudahan yang hendak disediakan oleh badan yang sama di Indonesia. Umpamanya, kita mengatakan bahawa ukuran pembayaran yang dibuat ini berasaskan bukan sahaja kepada bekalan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Saudi, tetapi juga kemudahan-kemudahan lain yang sepatutnya, yang dianjurkan oleh Tabung Haji. Jadi saya rasa adalah kurang tepat sekiranya perbandingan harga atau bayaran jemaah haji ini dibuat antara dua negara.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa muasasah ataupun cooperation yang diperkenalkan di Turkey, cidapati muasasah ini bertanggungjawab di dalam negerinya sehinggalah ke negeri Arab, di Madinah dan Mekah sendiri, dia bertanggungjawab, dia mencari bas, dia ada rumahnya sendiri, tetapi jemaah haji kita hanyalah bertanggungjawab untuk beri tiket kapal terbang di negeri kita sahaja dan sampai sana bulat-bulat diserahkan kepada muasasah, sehinggalah pihak muasasah ini kata Tabung Haji tidak ada kuasa di sini. Jadi apakah Kerajaan bercadang untuk memberi kuasa dan pentadbiran sepenuhnya daripada negeri kita sehingga ke negeri Arab, Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini

berkuasa menentukan supaya tidak teraniaya dan ini akan berjaya.

Yang kedua, muasasah ini memanglah ditentang oleh sheikh-sheikh haji kerana biasanya mereka dapat 2,000, 3,000, 4,000 jemaah, tetapi dengan adanya muasasah ini sheikh haji yang berjaya ini hanya dapat 400-500 atau 700-800 orang jemaah sahaja. Jadi apakah pihak Kerajaan bercadang supaya meminta pihak muasasah ini mengadakan pegawai yang betul-betul berpengalaman, yang menguruskan soal makan minum, perjalanan, hal-ehwal untuk orang-orang jemaah haji di Mekah kerana sheikh-sheikh ini tetap akan boykot dan sheikh yang kecil, yang menyokongnya pula jenis malas, maka tetap malas, maka muasasah tidak berjaya dan mangsanya ialah jemaah haji kita. Dan adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya experiment ini tidak dijalankan, sebelum experiment ini dijalankan dahulu kepada negara-negara Arab sendiri seperti Syria, Jordan, Mesir sendiri supaya dijalankan atau dibuat experiment kepada negara-negara mereka, jangan experiment ini dijalankan kepada negara kita, kerana ini akan menyebabkan aniaya yang amat sangat kepada jemaah-jemaah kita.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga pokok soalan dikemukakan. Saya hendak yakinkan tidak ada kena-mengena dengan masalah experiment.

Pertama mengenai negeri Turkey tadi, oleh kerana muasasah ini sudah dikenakan dahulu daripada kita, mereka mempunyai pengalaman, jadi segala kelemahan-kelemahan yang ada dapat diatasi dan persediaan dapat dibuat. Mungkin itulah sebabnya kalau Yang Berhormat tadi mengatakan jemaah daripada Turkey sudah dapat mengatarkan layanan yang baik kepada jemaah mereka sehingga ke

pintu tangga tempat yang hendak pergi.

Mengenai cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi untuk mengatasi masalah-masalah yang ada, saya ingin meyakinkan kepada yang Berhormat dan juga kepada Dewan ini, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah pun pergi ke Tabung Haji dan membuat arahan supaya sistem muasasah ini dikaji oleh pihak Tabung Haji dan juga pihak Kerajaan dan kita akan membuat beberapa syor, cadangan yang pertama di peringkat apa yang kita boleh berunding dari segi Kerajaan-ke-Kerajaan bagi mengatasi ataupun membetulkan masalah-masalah yang timbul hasil daripada sistem Kerajaan itu.

Yang kedua, Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah juga mengarahkan Tabung Haji menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan alternatif dari segi penjagaan ataupun menjaga kebajikan jemaah kita supaya sekiranya ada lagi kelemahan-kelemahan yang timbul daripada perkhidmatan yang diberi oleh sistem ini yang tidak akan dapat diatasi, maka kita sendiri akan mengambil langkah-langkah untuk menjaga kebajikan jemaah kita.

Mengenai perkara yang ketiga, Yang Berhormat tadi ada menyebut fasal dahulu syeikh-syeikh ini mendapat 4,000 jemaah, sekarang ini kurang. Ini memang merupakan satu kelemahan dari segi tahap setakat mana perkhidmatan itu dapat diberikan oleh syeikh-syeikh ini dan kita sedar dan memperakui bahawa jumlah besar daripada masalah yang ada adalah berkaitan dengan hal ini.

Jadi, saya ingin mengatakan di sini kita telah juga akan meminta syor supaya jemaah kita ini akan ditempatkan kepada syeikh-syeikh yang hanya dapat kumpulan-kumpulan yang terkandung daripada jemaah kita

sahaja dan juga mencadangkan langkah-langkah dari segi perkhidmatan yang diberi di dalam maktab tadi yang hanya ditujukan kepada jemaah daripada Malaysia sahaja.

### ALIRAN WANG KELUAR NEGERI

7. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) anggaran jumlah wang "invisibles" yang dialir keluar negeri kerana perbelanjaan:

- (i) Pelajaran
- (ii) Insuran
- (iii) Tambang Kapal

bagi tahun 1982, 1983 dan 1984; dan

(b) apakah anggaran jumlah wang tersebut akan turun pada 1985.

10-10-84

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak wang yang mengalir keluar dari negara ini pada tahun 1982/1983 secara tak ketara seperti insurans, perkapalan, pelancongan dan bayaran perkhidmatan hutang yang telah memburukkan lagi imbangan pembayaran dan apakah langkah konkrit yang diambil setakat hari ini untuk mengurangi masalah imbangan pembayaran yang berbangkit dari perdagangan tak ketara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Lumut ini bertujuan yang sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang dikehendaki dijawab pada esok hari. Oleh itu, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kedua-dua soalan ini sekali gus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pengaliran wang keluar dari negara kita untuk bayaran tak ketara telah meningkat sebanyak 23.2% iaitu dari \$11,661 juta dalam tahun 1982 kepada \$14,361 juta dalam tahun 1983. Dalam tahun 1984 bayaran tak ketara ini dijangka akan terus meningkat tetapi dengan kadar yang lebih perlahan sedikit, iaitu sebanyak 15.8% sahaja kepada \$16,624 juta.

Pecahan-pecahan utama bayaran tak ketara bagi tahun 1982, 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

#### 1. Bayaran Pendapatan Pelaburan

Bayaran ini ialah bayaran-bayaran faedah hutang negara dan bayaran dividen dan keuntungan oleh syarikat-syarikat kepada rakyat asing meningkat sebanyak 21% iaitu dari \$4,238 juta dalam tahun 1982 kepada \$5,128 juta dalam tahun 1983. Dalam tahun 1984 bayaran pendapatan pelaburan keluar negeri dijangka akan meningkat sebanyak 24% kepada \$6,366 juta memandangkan bahawa kaclar faedah dunia yang kian tinggi serta berkembangnya hutang negara yang terkumpul dan bertambahnya keuntungan syarikat-syarikat hasil dari pendapatan eksport yang lebih tinggi.

#### 2. Tambang Kapal dan Bayaran Perkhidmatan Insurans

Bayaran ini ialah terhadap kargo perdagangan meningkat sebanyak 9.7% iaitu dari \$2,575 juta dalam tahun 1982 kepada \$2,825 juta dalam tahun 1983. Pada tahun 1984 bayaran ini dijangka akan meningkat dengan lebih pesat lagi iaitu sebanyak 11.9% kepada \$3,160 juta memandangkan perkembangan perdagangan luar negeri.

### 3. *Bayaran Perkhidmatan Perjalanan*

Bayaran ini meliputi perbelanjaan di luar negeri untuk pelajaran, pelancungan, perniagaan dan juga bagi mereka yang menunaikan fardhu haji telah meningkat sebanyak 19.7% iaitu dari \$1,945 juta dalam tahun 1982 kepada \$2,294 juta dalam tahun 1983. Dalam tahun 1984 bayaran ini dijangka akan terus meningkat sebanyak 7.7% kepada \$2,470 juta.

### 4. *Bayaran Tambang Penumpang*

Bayaran ini termasuklah jumlah bayaran yang dibuat oleh rakyat negara kita semasa menggunakan kapal-kapal laut dan kapal terbang kepunyaan negara asing yang meningkat sebanyak 12.4% dari \$920 juta dalam tahun 1982 kepada \$1,034 juta dalam tahun 1983. Jumlah ini juga dijangka meningkat sebanyak 13.4% kepada \$1,173 juta dalam tahun 1984.

### 5. *Lain-lain Bayaran*

Lain-lain bayaran ini termasuklah bayaran-bayaran kepada kontraktor dan juru perunding asing, bayaran royalti dan pengurusan serta perbelanjaan Kedutaan negara kita di luar negeri yang telah meningkat sebanyak 55.3% iaitu dari \$1,983 juta dalam tahun 1982 kepada \$3,080 juta dalam tahun 1983. Walau bagaimanapun, bayaran-bayaran yang lain ini dijangka akan berkembang lebih perlahan sedikit dalam tahun 1984 iaitu dengan kadar 12.2% sahaja kepada \$3,455 juta. Ini ialah memandangkan adanya pemotongan pelaburan sektor awam dan bertambah kurangnya pengambilan kontraktor-kontraktor baru dari negara asing untuk menjalankan projek-projek di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985 pula jumlah bayaran tak ketara kepada rakyat asing dijangka akan berkembang dengan lebih perlahan

lagi iaitu peningkatannya sebanyak 9.6% sahaja kepada \$18,221 juta. Jangkaan perkembangan yang lebih perlahan ini adalah berasaskan kepada usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bayaran tak ketara sejak mulanya kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1981. Di samping itu juga, langkah-langkah telah diadakan untuk meningkatkan perolehan bayaran tak ketara oleh rakyat negara kita dari rakyat asing. Kebanyakan langkah-langkah ini telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia ini semasa Ucapan Belanjawan Tahun 1981, 1982, 1983 dan tahun lalu. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (1) pengurangan perbelanjaan pembangunan Kerajaan dengan tujuan mengurangkan pinjaman luar negeri dan bayaran faedah;
- (2) pengecualian cukai untuk pendapatan yang diperolehi dari pengendalian kapal-kapal Malaysia mulai tahun taksiran 1984. Ini ialah untuk menggalakkan perkembangan perusahaan perkapalan di negara kita ini;
- (3) galakan cukai bagi pengimport-pengimport yang menggunakan perkhidmatan sistem insurans tempatan; dan
- (4) pengecualian dari cukai import barang-barang yang biasanya dibeli oleh pelancung-pelancung seperti kamera, jam tangan, pen, radio transistor, mini compo dan sebagainya. Ini ialah untuk menarik lebih ramai pelancung-pelancung ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari langkah-langkah yang telah saya sebutkan di atas tadi Kerajaan telah pun juga menubuhkan satu jawatankuasa khusus untuk mengkaji, menyelaraskan dan melaksanakan langkah-langkah baru bagi

mengukuhkan akaun tak ketara imbangan pembayaran negara. Walau bagaimanapun, usaha membaiki imbangan pembayaran ini seharusnya menjadi tanggungjawab kita bersama. Rakyat negara ini dan syarikat-syarikat swasta seharusnya digalakkan menggunakan perkhidmatan dan membeli barangan keluaran tempatan kita.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berbilang-banyak langkah yang mengikut beliau telah diambil oleh pihak Kerajaan apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan buat Ucapan Belanjawan pada tahun-tahun yang lalu. Akan tetapi di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di dalam satu bidang iaitu bidang pelancungan nampaknya usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancung-pelancung dari luar negeri untuk melancung ke negara kita nampaknya tidak berjaya dan saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang hal ini dan sekiranya beliau sedar maka apakah usaha baru yang hendak diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dari segi untuk menarik lebih ramai pelawat-pelawat dari luar negeri untuk melancung di negara kita.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, pelancungan sememangnya merupakan satu industri yang mana bukanlah hanya setakat mengadakan barang-barang yang tidak cukai sahaja boleh menarik mereka ini ke negara kita. Seperti yang saya katakan tadi memang banyak langkah-langkah yang telah diambil seperti menghapuskan cukai-cukai ke atas barang-barang yang biasa dibeli oleh pelancung-pelancung tetapi juga Kerajaan sentiasa menggalakkan industri sampingan yang ada kaitannya dengan pelancungan juga sentiasa digalakkan

seperti hotel-hotel yang bertaraf sesuai dengan pelancung-pelancung seperti menyenangkan mereka datang ke mari melalui pe terbangan yang sesuai pada waktu, mengadakan kemudahan-kemudahan lain untuk mereka memasuki negara ini dengan lebih senang dibandingkan dengan keadaan yang sedia ada. Jadi ini adalah merupakan langkah-langkah yang boleh menggalakkan kedatangan pelancung-pelancung ke negara kita ini.

Selain daripada itu juga pihak TDC sentiasa memikirkan lagi tempat-tempat yang lebih menarik bagi pelancung-pelancung negara lain kerana sudah tentunya pelancungan ini sebagai satu industri memerlukan banyak aspek-aspek yang tertentu kerana seperti kita ketahui dalam pepatah Melayu—banyak udang, banyak garam. Jadi setengah orang suka membeli-belah, setengah orang suka pergi santai, setengah orang suka pula kepada perkara-perkara yang lain yang mana tak dapat saya hendak incikan di sini. Tetapi walau bagaimanapun sememangnya Kerajaan sentiasa cuba untuk memastikan supaya pelancungan ini lebih rama lagi datang ke negara kita dan selain daripada itu menggalakkan juga orang-orang Melayu sendiri melancung di dalam negeri dan tidak semestinya melancung ke negara-negara lain untuk menjimatkan ataupun untuk mengelakkan aliran keluar matawang negara kita.

## SISTEM PENGANGKUTAN PADI

**8. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh manakah Sistem Pengangkutan Padi yang dicadangkan oleh LPN dengan Pusat Penyelidikan Pertanian Antarabangsa Australia (ACIAR) telah dapat dilaksanakan setakat ini. Bolehlah

diterangkan dari kajian-kajian yang dibuat, sejauh manakah ia boleh menguntungkan petani-petani dan pihak pemborong, jika dibandingkan dengan sistem yang lama.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan padi yang dicadangkan oleh LPN dengan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Australia (ACIAR) itu ialah sistem pengendalian padi secara pukal. Sistem ini melibatkan pengangkutan padi dari bendang dan pengendaliannya di peringkat kompleks LPN. Kerjasama LPN dengan Pusat Penyelidikan Pertanian Antarabangsa Australia (ACIAR) mengenainya masih lagi dalam peringkat perundingan. Pihak LPN telah mencadangkan supaya pihak ACIAR menyumbangkan perkhidmatan pakar mereka bagi menjalankan kajian kemungkinan bersama LPN mengenai pengendalian padi secara pukal ini di Tanjong Karang dalam pertengahan tahun 1985. Dari hasil kajian itu nanti adalah diharapkan dapat ditentukan cara yang sebaik-baik dan sesuai bagi mengendalikan padi di negara ini nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Othman bin Abdul.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Othman bin Abdul tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud.

#### PEMBELIAN HELIKOPTER NEGARA KOMUNIS

9-10-84

**10. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan sedar dengan implikasi pembelian alat-alat Kementerian seperti pesawat

helikopter dari negara-negara komunis yang tidak sefahaman dengan ideologi kita. Jika sedar, nyatakan sebab-sebab mengapa baru-baru ini satu rombongan Pegawai-pegawai Tinggi Angkatan Tentera Udara Di Raja Malaysia dihantar ke Soviet Union untuk mengetahui alat-alat ketenteraan yang boleh dibeli dari negara itu.

20-11-84

**9. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab (rationale) pertimbangan untuk membeli helikopter-helikopter Rusia sedangkan negara-negara Asean berharap mempunyai kelengkapan militari yang standard yang boleh berfaedah jika Asean terpaksa menghadapi musuh yang sama.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 20hb November, 1984.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, setiap pembelian peralatan ketenteraan dari luar negeri tidak dibuat secara sewenang-wenangnya, tetapi berdasarkan kepada keperluan pertahanan negara, kesesuaian, keupayaan, harga serta dasar bekalan negara-negara berkenaan. Berdasarkan kepada faktor-faktor inilah kita tidak terikat kepada mana-mana negara untuk mendapatkan bekalan sama ada negara-negara Barat atau Blok Komunis atau Sosialis.

Berdasarkan kepada prinsip-prinsip pembelian tersebut Kementerian Pertahanan hanya dalam peringkat kajian sahaja dalam perkara ini.

Adalah tidak benar bahawa Kerajaan baru-baru ini telah menghantar rombongan pegawai-pegawai tinggi Tentera Udara Di Raja Malaysia ke Soviet Union. Seperti yang saya sebutkan tadi perkara ini hanya dalam proses cadangan dan kajian lagi.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah cadangan untuk membeli alat-alat ketenteraan dari negara-negara komunis ini? Adakah ini merupakan satu polisi negara yang baru ataupun polisi ini masih ada?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya telah menerangkan bahawa kita tidak mengira dari mana-mana negara kita membeli alat-alat kita asalkan alat-alat itu sesuai dan mengikut syarat-syarat negara kita.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan Kerajaan ini kerana negara-negara seperti Amerika Syarikat enggan menjual alat-alat yang sophisticated kepada Malaysia?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak berbangkit berkenaan dengan perkara ini.

#### KOPERASI DI SABAH—JUMLAH

11. Tuan Abdilllah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah benar hanya separuh daripada 293 koperasi di Sabah yang masih aktif. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membantu menggalak dan menghidupkan aktiviti-aktiviti koperasi di negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohammad Yahya bin Lampong):**

Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa mengikut rekod Jabatan Pembangunan Koperasi Sabah sebanyak 50% dari jumlah koperasi telah berdaftar di Sabah masih aktif. Langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi untuk membantu menggalak dan menghidupkan aktiviti-aktiviti koperasi di Sabah adalah seperti berikut:

- (a) Memberi bimbingan kepada Lembaga Koperasi dalam pentadbiran koperasi dan menjalankan penyeliaan ke atas koperasi-koperasi dengan lebih rapi bagi menentukan aktiviti-aktivitinya dengan lebih lancar.
- (b) Pendidikan dan latihan ahli-ahli dipergiatkan supaya mereka lebih memahami hak-hak dan kewajipan mereka juga faedah-faedah yang boleh didapati jika koperasi ditadbirkan dengan baik.
- (c) Mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh koperasi termasuk memberi galakan dan bantuan di dalam mendapat kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh koperasi-koperasi.

#### KOPERASI-KOPERASI ENGGAN KERJASAMA KEPADA JABATAN KOPERASI

12. Tuan Abdilllah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) apakah tindakan Kerajaan terhadap Koperasi-koperasi yang enggan memberikan kerjasama kepada Jabatan Koperasi dalam pemeriksaan dan penyemakan akaun-akaun mereka;

- (ii) dan setakat ini berapa banyakkah akaun-akaun koperasi yang telah disemak dan diperiksa; dan
- (iii) apakah tindakan dan rancangan Kerajaan terhadap koperasi-koperasi yang tidak menjalankan kegiatan-kegiatan mereka.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Tuan Yang di-Pertua, koperasi yang tidak memberi kerjasama dianggap melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Koperasi iaitu di bawah seksyen 58 Akta Koperasi 1948 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$20,000 dan seksyen 60 Co-operative Societies Ordinance of Sabah and Co-operative Societies Ordinance of Sarawak yang jika kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$1,600.

Yang kedua, sebanyak 99% daripada akaun-akaun koperasi telah diperiksa dari satu masa ke satu masa oleh kakitangan Jabatan Koperasi. Yang lebihnya tidak dapat diperiksa oleh kerana terdapat koperasi-koperasi yang berpindah pejabat tanpa memberitahu ibu pejabat terlebih dahulu.

Yang ketiga, Jabatan Pembangunan Koperasi akan terus memberi bimbingan kepada koperasi yang tidak aktif dengan cara mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh koperasi. Di samping itu, Jabatan Pembangunan Koperasi akan memberi galakan dan bantuan kepada koperasi-koperasi di dalam mendapatkan apa-apa kemudahan, peluang-peluang perniagaan, pinjaman, khidmat nasihat dan sebagainya.

Bagi koperasi-koperasi yang didapati kurang memberi kerjasama atau tidak lagi minat meneruskan kegiatan-kegiatannya maka tindakan untuk membatalkan pendaftarannya akan diambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Gooi Hock tidak hadir).*

## DATUK RAMON NAVARATNAM

### — POLARISASI KAUM

14. **Tuan Chan Kot Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar akan ucapan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Ramon Navaratnam, tentang polarisasi kaum dan diskriminasi yang berlaku dalam perkhidmatan awam di mana pegawai-pegawai bukan Melayu diketepikan dalam soal naik pangkat, peluang pelajaran lanjutan dan sebagainya; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan rasa kecewa dan ketidakpuas hati dalam perkhidmatan awam serta menentukan peluang yang sama dapat dinikmati oleh semua pegawai Kerajaan tanpa mengira kaum.

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang kandungan ucapan pegawai yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan tidak sekali-kali membezakan layanan mengikut kaum dalam hal-hal perkhidmatan awam termasuk perkara kenaikan pangkat dan latihan. Mengenai latihan satu dasar pemilihan terbuka diamalkan yang membolehkan semua pegawai dalam perkhidmatan dapat mengikuti kursus-kursus latihan di dalam dan di luar negeri.

## PERSATUAN BAHASA CINA UNIVERSITI MALAYA

15. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa persatuan Bahasa Cina tidak dibenarkan ditubuhkan

dan berfungsi di Universiti Malaya manakala Persatuan-persatuan Bahasa Melayu dan Bahasa India telah pun ditubuhkan; dan

- (b) sama ada beliau akan membenarkan penubuhan-penubuhan persatuan Bahasa Cina di Universiti Malaya sekarang jika ada permohonan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya telah diharamkan pada 19hb Disember, 1974 ekoran dari terjumpanya risalah-risalah subversif di Ibu Pejabat Persatuan tersebut.
- (b) Permohonan bagi penubuhan Persatuan Bahasa Cina di Universiti Malaya akan dipertimbangkan sekiranya pihak pemohon dapat memberi jaminan bahawa Persatuan tersebut tidak akan dipengaruhi oleh unsur-unsur subversif dan tidak akan menjalankan aktiviti-aktiviti subversif.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bila keputusan daripada pertimbangan permohonan daripada persatuan itu akan diberikan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya memperkatakan bahawa sekiranya mereka memohon akan dipertimbangkan berasaskan kepada hakikat bahawa ia tidak akan mengandungi unsur-unsur subversif. Saya rasa memang sudah ada mereka memohon, namun belum dapat mereka memuaskan syarat-syarat untuk menjamin yang pertubuhan itu adalah pertubuhan yang tidak subversif dan belum lagi memuaskan syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 17, soalan 16 sudah dijawab.

### AHLI KABINET, MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI— AKTIVITI PERNIAGAAN

17. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan serta identiti ahli-ahli Kerajaan termasuk ahli Kabinet dan Menteri Besar serta Ketua Menteri yang didapati masih belum meletakkan jawatan dari segala aktiviti perniagaan; sama ada tindakan disiplin telah diambil terhadap mereka; jika ya, apakah tindakan yang telah diambil. Jika tidak, mengapa.

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 17, soalan Ahli Yang Berhormat ini terlalu umum untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jawapan. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada maklumat mengenai ahli-ahli Kerajaan termasuk Kabinet dan Menteri Besar serta Ketua Menteri yang memerlukan mereka meletakkan jawatan tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Jawapan kepada Soalan No. 9 dan 13 adalah diberi di bawah ini).*

### OPERASI RODA I

9. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tujuan Operasi Roda I diadakan baru-baru ini di negeri-negeri Semenanjung Malaysia; dan
- (b) apakah kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi dalam operasi berkenaan.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):**

- (a) Operasi Roda I yang telah dilancarkan pada bulan Ogos dan September 1984 adalah bertujuan untuk menjalankan pemeriksaan terhadap motosikal/skuter yang dilaporkan hilang di seluruh Semenanjung Malaysia sejak kebelakangan ini. Melalui operasi ini tangkapan-tangkapan dibuat ke atas mereka yang terlibat dalam kes mencuri atau memiliki motosikal/skuter curi.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam operasi ini sebanyak 314,913 buah motosikal/skuter telah diperiksa di mana sebanyak 773 dari jumlah tersebut telah disahkan sebagai motosikal/skuter curi. Tindakan undang-undang sedang diambil dengan mendakwa mereka yang terlibat ke Mahkamah.

**BAHASA ARAB DI  
UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA**

13. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa pelajar-pelajar tahun pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia tahun ini dimestikan mempelajari Bahasa Arab sebagai satu matapelajaran wajib.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar pelajar-pelajar tahun pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia tahun ini dimestikan mempelajari Bahasa Arab sebagai satu matapelajaran wajib. Bahasa Arab hanya dimestikan kepada pelajara-pelajar Matrikulasi Undang-undang dan Fakulti Islam. Ini ialah

kerana rujukan utama bagi kedua-dua kursus ini ialah Quran dan Hadith. Lain-lain rujukan juga terdapat dalam Bahasa Arab.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG AKTA  
SYARIKAT (PINDAAN)**

**Setiausaha Bagi Parlimen:**  
Mengemukakan Rang Undang-undang Kerajaan bagi bacaan kali yang pertama.

Yang Berhormat Menteri  
Perdagangan dan Perindustrian.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengemukakan . . . . .

**Tuan Karpal Singh: (Bangun).**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap Yang Berhormat, atas point of order.

3.35 ptg.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, kelmarin saya ada menghantar satu surat kepada Tuan Speaker untuk minta izin kemukakan satu usul untuk merujuk Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Oleh kerana ada membuat perkataan-perkataan yang tidak baik dalam Dewan ini pada 24hb Julai, apabila beliau ada bercakap dalam Dewan ini: "Hari ini Wakil dari Kepong pula bangkit mencabar kita, bercakap belit-belit macam ular. Sebab itu orang dahulu kata kalau jumpa ular dengan India, kita pukul India." (*Disampuk*) "Shut up".

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan ganggu.

**Tuan Karpal Singh:** Kalau tidak beri jalan, jangan ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan ganggu. Sila teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, sampai hari ini saya tidak dapat jawab kerana atas surat yang saya hantar kepada Tuan Speaker. Tuan Speaker, apa yang ada dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat tidak payah di bawah Peraturan 26 beri notis mengenai usul seperti ini. Ada precedent, Tuan Speaker, dalam Dewan yang mulia ini juga, satu precedent apabila dalam Dewan ini sidang yang lalu Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ada minta izin, dan dapat izin untuk kemukakan satu usul seperti ini untuk merujuk Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Speaker, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sudah ambil keputusan atas usul itu dan juga Dewan ini sudah menjatuhkan hukuman atas Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Speaker, dalam Aturan Urusan Mesyuarat tidak ada notis apa yang saya beri kepada Tuan Speaker kelmarin dan oleh kerana itu saya baca, Tuan Speaker, apa yang ada dalam Erskine May, jikalau saya boleh. Ini, Tuan Speaker, ada dalam muka surat 353 Erskine May Parliamentary Practice 19th Edition. Tuan Speaker, dengan izin:

“In view of the requirement that the matter of privilege should be raised at the earliest opportunity, it is generally brought on without notice but provided there has been no undue delay the claim to priority of

such a matter is not prejudiced merely on the ground that it has been possible to place a motion dealing with it upon the Notice Paper. The same treatment is accorded to a matter of privilege if through the adjournment of the debate on the motion ini which it is embodied it becomes an order of the day.

The priority of notice of a motion or order of the day relating to a matter of privilege is not prejudiced by the fact that the day on which it is to be raised is the day on which under an order of the House Government business has precedence.”

Tuan Speaker, dalam fikiran saya, tidak ada delay atas notis yang saya berikan kepada Tuan Speaker, oleh kerana apa yang berlaku, apa yang ada dalam notis yang saya berikan kepada Tuan Speaker ada berlaku pada 24hb Julai, 1984 dalam persidangan yang lalu. Persidangan itu, Tuan Speaker, bermula daripada 16hb sampai 26hb. Kejadian ini 24hb. Baharu-baharu ini sidang ini, Tuan Speaker, mulai dari kelmarin juga oleh kerana itu tidak ada undue delay, jikalau tidak ada undue delay, Tuan Speaker, usul ini, tentu ada priority atas Government business. Precedent yang saya sebutkan, Tuan Speaker, itu pun jadi satu usul yang ada dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, bukan jadi usul Kerajaan, Tuan Speaker. Jikalau itu—itu bukan Government business.

Jika Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ada dapat peluang untuk mengemukakan usul beliau pada masa itu, Tuan Speaker, saya pun tentu harus mendapat peluang seperti Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu untuk dapat mengemukakannya, dan jika boleh sekarang juga Tuan Speaker, terdahulu daripada Government business untuk mengemukakan usul ini sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menulis surat kepada saya supaya membenarkannya mengemukakan usul seperti yang telah dikatakan tadi dan kelmarin petang Ahli Yang Berhormat itu telah pun datang berjumpa dengan saya di dalam bilik saya dan saya telah menerangkan kepadanya kedudukan yang sebenarnya yang menyebabkan saya tidak meletakkan usul itu di dalam Order Paper. Ini disebabkan oleh kerana setelah saya membaca Peraturan 26, dalam perkara-perkara bersangkutan dengan kebebasan, maka tidak payah diadakan notis. Benar begitu, tetapi nampaknya saya terikat dengan Standing Order 15 yang mengatakan bahawa pada tiap-tiap hari persidangan mesyuarat urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain-lain. Jadi dalam suratnya dia meminta supaya dia dibenarkan mengeluarkan usul itu selepas daripada Soal Jawab. Oleh sebab memandangkan kepada bacaan Peraturan 15 ini maka saya tidak dapat menunaikan permintaannya itu dan apa yang dibacakan olehnya di dalam Esrkin May juga, "provided there has been no undue delay," saya rasa perkara ini sudah pun lama dengan kerana lepas daripada meeting pada hari itu sampai hari ini sudah lama dan saya memikirkan perkara ini sudah lama. Jadi, kelmarin saya telah memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong saya bersedia hendak memasukkan usulnya itu ke dalam Order Paper, Aturan Urusan Mesyuarat, mengikut sebagaimana seorang ahli yang bukan daripada Kerajaan melainkan jika sekiranya dia mendapat kebenaran daripada Kerajaan.

Jadi Ahli Yang Berhormat itu telah pun meninggalkan bilik saya dengan tidak ada apa-apa keputusan dan saya berasa terkejut ia membawa keluar perkara ini lagi pada hari ini.

Berkenaan dengan perkara yang dikeluarkannya iaitu dengan usul berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, maka yang itu telah pun saya meminta kebenaran daripada Kerajaan supaya dapat perkara ini dibahaskan. Maka saya telah mendapat kebenaran daripada Kerajaan, maka itulah saya boleh mengatasi Perkara 15(1) sebagaimana dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Begitulah Ahli Yang Berhormat, oleh yang demikian saya dengan dukacitanya, oleh sebab Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan saya membenarkan Ahli Yang Berhormat mengemukakan usul itu, maka yang demikian saya terpaksa menolak permohonan Ahli Yang Berhormat itu (*Tepuk*).

**Tuan Karpal Singh:** Sungguhpun saya ada jumpa Yang Berhormat Speaker dalam kamar . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker ada buat satu tuduhan tadi perkara ini sudah selesai. Itu bukan benar, saya ada jumpa Tuan Speaker dan saya ada beritahu kepada Tuan Speaker saya mahu buat research untuk mari di sini untuk beritahu pandangan saya atas perkara ini. Itu betul. Betul atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, jika begitu fahaman Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Atas rekod.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Untuk penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak usah, saya tak benarkan penjelasan dalam perkara ini, kerana ini ialah di atas point of order, tidak ada penjelasan yang dikehendaki.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG AKTA SYARIKAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSKLUSIF

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyumbang semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (8hb Oktober, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat wakil dari Bandar Kuching, sila sambungkan.

3.45 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan semalam atas Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif, saya sebutkan bahawa Persatuan Undang-undang Antarabangsa dan Konvensyen atas Undang-undang Lautan serta agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu telah menyumbangkan garis-garis panduan dan syarat-syarat rujukan yang paling penting bagi perbincangan seterusnya mengenai hak-hak kedaulatan pelantar benua, beberapa kes telah dirujuk kepada mahkamah dunia juga dan banyak cadangan telah dirumuskan

juga dan dikemukakan kepada masyarakat antarabangsa termasuklah Maldivé Proposal (1967), Dell Treaty Proposal (1968), Denziet Proposed Treaty (1967) dan Christy Proposal dan lain-lain. Akan tetapi cadangan tersebut menimbulkan hanya kekeliruan mengenai tuntutan hak kedaulatan di atas pelantar-pelantar benua serta laut wilayah sahaja.

Walau bagaimanapun, apa yang jelas ialah bahawa satu konsep iaitu "acceptability international" menjadi salah satu kriteria untuk menentukan "legality" satu-satu perundangan antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa konsep Exclusive Economic Zone (EEZ) menjadi satu konsep yang semakin acceptable sehingga ianya dapat menjadi taraf amalan biasa antarabangsa ataupun "international customary practice". Dan sekiranya "common law" bergantung kepada "precedent" sebagai asas kehakiman, "customary practice" adalah asas kehakiman di dalam bidang "jurisprudence", perundangan antarabangsa dan tidak dapat dinafikan juga bahawa "littoral states" ataupun negeri-negeri berpantai terdiri dari majoriti di antara negeri-negeri di dunia ini.

Amalan mereka walaupun unilateral akan mempunyai asas legality di dalam bidang undang-undang antarabangsa dan memandangkan faktor yang tersebut di atas, Malaysia sekarang kalau tidak mengisytiharkan satu EEZ ini adalah satu hakikat yang tidak dapat diterima.

Dan memang wujud masalah enforcement terhadap Rang Undang-undang ini dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Barisan Nasional juga sebut masalah ini berhubung dengan persoalan-persoalan Amboyna Cay. Janganlah kita lupa bahawa tuntutan hak terhadap sebahagian laut terbuka, khususnya berkaitan dengan pulau-pulau dengan potensi sumber minyak

yang kaya sering kali telah menjadi konflik antarabangsa malah juga peperangan, misalnya, negeri China dan Vietnam sentiasa bertentangan atas Pulau Spratly dan Pulau Paracel. Andaikata satu kuasa besar asing masuk ke zon ekonomi eksklusif kita dan mungkin mulia menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak sah dari segi Rang Undang-undang ini, bagaimanakah kita akan melaksanakan, menguatkuasakan Rang Undang-undang ini tanpa menyebabkan pergolakan antarabangsa yang serius. Ini adalah satu-satunya perkara yang saya harap akan dijelaskan oleh Menteri berkenaan di dalam jawapan beliau.

Dan mungkin beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari pihak Barisan Nasional akan mencadangkan untuk memulakan tindakan-tindakan ketenteraan untuk menyelesaikan hal ini tetapi saya berpendapat bahawa penyelesaian ketenteraan bukanlah suatu penyelesaian yang kukuh, yang aman dan tidak dapat tidak, tidak boleh dijalankan dengan sewenang-wenangnya tanpa menimbangkan akibat-akibat yang serius.

Pada pandangan saya kita akan perlu juga menggunakan perundingan antarabangsa dan terus cuba mencapai penyelesaian yang aman dan kukuh berhubung dengan undang-undang laut. Kita akan terpaksa melibatkan diri secara lebih aktif bersama-sama dengan negara-negara littoral ataupun berpantai serta negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan. Dan jika perlu kita mesti bersama-sama juga dengan Group of 77 supaya memperjuangkan pencapaian aspirasi-aspirasi nasional kita walaupun Group of 77 ini bukanlah satu kumpulan yang selalu bersatu padu tetapi kumpulan ini memberi satu forum yang berguna untuk mencapai suatu penyelesaian kepada masalah itu. Juga oleh kerana kita menuntut hak-hak zon ekonomi eksklusif dan menikmati hak eksklusif

kepada kepentingan-kepentingan ekonomi kita juga akan pasti bertanggungjawab kepada masyarakat dunia. Itu satu tradisi yang bernilai di dalam politik dan undang-undang antarabangsa di dalam dekad-dekad yang lalu. Kewajipan-kewajipan kita mesti menentukan bahawa penggunaan EEZ kita tidak menjejaskan kepentingan negara-negara jiran dan masyarakat antarabangsa pada amnya. Kita mempunyai tanggungjawab untuk berusaha secara aktif demi menganjur kebajikan umat manusia secara keseluruhannya. Dalam hal ini saya ingin mengucapkan tahniah sedikit kepada pihak Kerajaan kerana menyertakan dalam Rang Undang-undang ini peruntukan-peruntukan bagi kawalan pencemaran air terutama sekali kawalan pencemaran minyak di bawah bahagian ke 4 Fasal-fasal 9 ke 15.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran lautan kini menjejaskan alam semula jadi dunia, malah juga tempat kediaman asli manusia atau pun natural habitat of man. Dunia adalah anugerah Tuhan kepada kita dan mesti diwarisi tanpa kerosakan. Kita mesti menghentikan pencemaran. Kesan-kesan pencemaran minyak daripada kemalangan-kemalangan kapal membawa minyak adalah dramatik dan buruk. Pada 18hb Mac, 1965 tangki yang besar (super tanker) yang didaftarkan di negeri Liberia bernama "Torrey Canyon" telah menumpahkan 120,000 lb. ataupun 38 juta gelen minyak mentah ke dalam 100 batu pantai British dan Perancis. Pembinaan kehidupan lautan telah berleluasan dan pencemaran telah berterusan walaupun usaha pembersihan telah berlangsung. Operasi pembersihan ini telah memakan belanja lebih kurang £8 juta melebihi jumlah kos kapal bersama dengan kargonya. Kehilangan dari segi kerugian alam sekitar kita tidak boleh diukur. Dan apabila tangki bernama

'Amoko Kadis' karam pada bulan Mac, 1978, 6,000 orang askar telah dimobilisekan di dalam suatu kejadian pencemaran yang paling mahal.

Baru-baru ini suatu tumpahan 300,000 tan minyak Bunker C di Mitshushima, Jepun telah memakan belanja AS\$200 juta untuk dibersihkan setelah kerosakan yang berleluasa kepada habitat asli. Senarainya adalah lebih panjang, Tuan Yang di-Pertua, lain-lain kemalangan termasuklah satu tangki yang besar 'Pacific Glory' di British Channel pada Oktober tahun 1970, 'Olympic Bravery' di Port Ushant, Perancis pada tahun 1976, Cargo Merchant pada Disember 1976 di Martha's Wineryard di Massachusset dan Tangki Sencinaner di Los Angeles pada tahun 1978.

Setiap tahun, Tuan Yang di-Pertua, di antara 150,000 sehingga 400,000 burung-buru laut mati akibat pencemaran lautan secara minyak sehingga ada di antaranya mengalami extinction. Mujurlah kita dapat mengelakkan sebarang kemalangan yang sedemikian besar. Walau bagaimanapun, berbanding dengan coastal states yang lain Malaysia lebih mencemarkan pantai dan perairan lautnya oleh kerana negara kita adalah sebuah negara penghasil minyak. Maka kita mempunyai tanggungjawab untuk mengawal pencemaran yang lebih berat. Kedua-duanya kerana kepentingan negara kita sendiri dan bagi menunaikan obligasi antarabangsa menentukan perairan yang bersih.

Walaupun bagaimanapun, kelemahan-kelemahan masih berada di antara peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. Yang pertama ke semua peruntukan-peruntukan dan penalti adalah berdasarkan anggapan bahawa orang ataupun kapal yang bersalah atau guilty party, dengan izin, adalah berjaya diberkas. Akan tetapi adalah suatu hakikat yang diketahui ramai bahawa kapal-kapal tangki yang

mencemarkan air laut dunia adalah begitu sukar ditangkap. Denda maksima sebanyak \$1 juta yang diperuntukkan di bawah Fasal 10 Rang Undang-undang ini bagi kesalahan pencemaran adalah hanya merupakan petty cash, dengan izin, kepada perindustrian perkapalan dan minyak yang terlibat. Di samping itu banyak syarikat-syarikat perkapalan mengadakan shadaw operation ataupun one ship company yang didaftarkan di negeri-negeri di mana peraturan-peraturan untuk mengawal perindustrian perkapalan adalah kurang mencukupi dan kurang memuaskan di mana setelah kemalangan berlaku syarikat perkapalan ini tidak ada lagi asset melainkan insurance coverage yang terhad sebagai peruntukan bagi liability mereka. Dalam kes Torrey Canyon tersebut di atas ia mempunyai dua kapal, sister ship di bawah syarikat yang sama. Kerajaan British telah memakan masa 13 bulan untuk hanya menyaman party yang bersalah.

Rang Undang-undang ini mempunyai satu lagi kelemahan. Ia membuat salah anggapan bahawa pencemaran laut berpunca dari tumpahan minyak tangki-tangki terutamanya. Menurut laporan tahun 1973 National Academy of Science, Amerika Syarikat, kira-kira berjuta tan metrik minyak telah meresapi lautan dunia dan menurut laporan tahun 1975 daripada pertubuhan yang sama 35% pencemaran minyak berpunca dari kapal-kapal minyak sahaja. Sumber-sumber pencemaran dari tanah pantai ataupun on shore sources termasuk logi-logi penapisan, pembuangan bandar dan industri dan sebagainya menyumbang setinggi 54% pencemaran minyak di perairan dunia.

Di sini letaknya kegagalan Rang Undang-undang 'Zon Ekonomi Eksklusif' kerana ia hanya membuat peruntukan bagi kawalan pencemaran

dari sumber-sumber tangki dan kapal-kapal terutamanya.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Pelantar-pelantar penapisan di laut serta kemudahan-kemudahan muatkan dan pengangkutan didapati berselerak di garisan-garisan negeri Sarawak, Sabah dan Terengganu juga, sehingga kini orang awam tidak dapat menentukan darjah pencemaran air di dalam negara kita sendiri daripada perindustrian minyak kita sendiri. Tidak lama dahulu satu tumpahan minyak yang besar telah berlaku di Bintulu, Sarawak langsung tidak ada laporan yang dikeluarkan mengenai kerugian serta kos operasi pembersihan yang terlibat.

Kini masanya adalah tepat bagi kita betul-betul merenungi industri minyak kita sendiri dan mengadakan peraturan-peraturan untuk dilaksanakan atas syarikat-syarikat seperti MLNG Bhd., Esso, Shell dan Petronas untuk mengurangkan pencemaran kepada takat yang minima. Jika Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah satu Kementerian yang tidak berkesan untuk mengawal pencemaran seperti yang kita sudah sedar ianya pasti tidak mampu mengendalikan kawalan tentang kecemaran lautan oleh industri minyak.

Saya cadangkan supaya perbuatan perundangan ini mesti dilengkapi dengan langkah-langkah pentadbiran dan tindakan-tindakan antarabangsa supaya meninggikan kawalan proses pengeluaran minyak dan pembuangan sisa-sisa industri di dalam negara kita. Ini adalah supaya perlindungan Zon Ekonomi Eksklusif ini dapat mencapai tujuan-tujuan asalnya. Lebih-lebih lagi saya juga cadangkan bahawa Kerajaan kita memainkan peranan yang lebih aktif, lebih penting di dalam badan-badan kawalan pencemaran lautan antarabangsa. Corak penglibatan ini

mungkin yang pertama sebagai forum untuk menekankan maritime nations untuk mengekalkan suatu mutu pengangkutan minyak yang lebih tinggi supaya meminimalkan pencemaran lautan, dan yang kedua sebagai sumber kemahiran teknikal di dalam usaha mengawal dan mengendalikan pencemaran tempatan khususnya di atas industri minyak tempatan di negara kita. Mesti mengambil bahagian di dalam pertubuhan seperti Inter-Governmental Maritime Consultative Organisations (IMCO) dan United Nations Conference on Law of Sea dan lain-lain supaya mewujudkan suatu usaha bersama untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul berhubung dengan EEZ.

Akhir kata, saya ingin merujuk kepada peruntukan Rang Undang-undang ini yang berhubung dengan pembuangan bahan-bahan ke dalam lautan. Tuan Yang di-Pertua, air laut di sekeliling garisan pantai telah lama dianggap oleh orang ramai di negara kita dan negara-negara lain sebagai satu tong sampah yang amat besar. Malah pelantar-pelantar benua beberapa kuasa-kuasa besar pernah digunakan untuk membuang sisa-sisa (toxic industries) dan lain-lain sampah yang tidak sihat untuk kehidupan manusia juga kehidupan laut. Kita mesti menyedari bahawa ini tidak boleh diterima semua sekali. Laut adalah merupakan sumber kehidupan denganimbangan ekologi yang amat sensitif. Ia pasti tidak merupakan satu giant garbage stand, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mencadangkan supaya mengharamkan segera pembuangan di dalam EEZ negara kita supaya memelihara perairan perikanan dan juga mengekalkan lautan bagi generasi-generasi yang akan datang. Oleh yang demikian, Fasal 10 Perkara 4 Rang Undang-undang ini yang memberikan kepada Ketua Pengarah Kementerian berkaitan kuasa-kuasa

yang discretionary untuk membolehkan perlesenan pembuangan mesti dipotong sekali. Dan oleh kerana pihak DAP suatu hari nanti akan menjadi Kerajaan Malaysia, kita juga akan merumuskan satu Rang Undang-undang sama seperti ini untuk mengawal aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam Zon Ekonomi Eksklusif kita. Oleh yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.05 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kerajaan atas kebijaksanaannya membentangkan Rang Undang-undang di Dewan yang mulia ini. Pada hemat saya ini adalah suatu langkah dan tindakan yang positif, progresif dan dinamis kerana menerusi Rang Undang-undang ini sekurang-kurangnya mengandungi empat tujuan yang membina.

Pertama, dapat menyelaraskan dengan pemikiran dan pergolakan baru di peringkat dunia antarabangsa berhubung dengan persempadanan negara di kawasan perairan dan mewujudkan satu skim penggunaan lautan yang lebih membina dan teratur.

Kedua, walaupun Kerajaan telah mengisytiharkan kepada masyarakat dunia antarabangsa tentang zon ekonomi eksklusif Malaysia pada tahun 1980 tetapi kita tidak mempunyai undang-undang yang

mencukupi bagi mengawal seliakan segala kegiatan-kegiatan dalam kawasan zon dan pelantar benua negara kita.

Yang ketiga, supaya dapat ditentukan mana-mana kawasan seharusnya berada di bawah kekuasaan dan kedaulatan negara kita.

Yang keempat, untuk membolehkan negara dan generasi akan datang menjalankan apa jua kegiatan yang dapat dimanfaatkan kepada negara dan rakyat seluruhnya dan generasi akan datang daripada sumber-sumber alam anugerah Allah di dalam kawasan yang bakal diwartakan sebagai pelantar benua negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya di antara perkara-perkara pokok di dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan Bahagian II, perkara 3 iaitu tentang persempadanan zon ekonomi eksklusif Malaysia kerana masalah ini akan timbul pertindihan dengan negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penentuan sempadan zon atau pelantar benua ini adalah sesuatu yang serius dan sensitif. Oleh sebab itu saya berharap pihak Kerajaan akan menggunakan segala kebijaksanaannya bagi menentukan awal-awal lagi tentang garis sempadan supaya tidak menjadi satu bebanan yang sukar diatasi oleh generasi yang akan datang. Saya sedar jika perkara ini hendak dilaksanakan, Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar tetapi pada hemat saya demi kedaulatan negara dan keselamatan serta kesejahteraan generasi yang akan datang, kita terpaksa berusaha ke arah penyesuaian ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan perkara ini kerana memandangkan suasana politik di rantau ini sentiasa bergolak dan

tidaklah menjadi sesuatu yang mustahil jika mana-mana Kerajaan yang menjadi jiran tetangga kita bertukar corak pemerintahan daripada demokrasi kepada komunis, maka hubungan kita dengan negara-negara yang tersebut tentulah agaknyanya berlainan dengan apa yang kita nikmati sekarang ini kerana masing-masing mendukung sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah banyak memberikan kita pengalaman di mana terdapat negara-negara yang menimbulkan isu sempadan ini sematamata untuk menghalalkan tindakan mereka bagi menyerang negara jiran tetangganya, lebih-lebih lagi jika negara-negara yang bersempadan itu berlainan sistem pemerintahan seperti China dengan India atau Kerajaan Boneka Kemboja dengan Thailand dan sebagainya. Jika ini menjadi kenyataan, maka sudah barang tentu masa hadapan generasi kita akan berada di dalam kebimbangan dan terancam.

Oleh itu sekali lagi saya tegaskan, masalah persempadanan negara menerusi zon atau pelantar benua ini perlu diberi perhatian yang sungguh-sungguh. Sediakanlah payung sebelum hujan, bak kata pepatah: Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis, ataupun janganlah sudah terhantuk, baru tengadah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini saya berkeyakinan besar kemungkinan dari semasa ke semasa berbagai-bagai kegiatan akan dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber-sumber alam sama ada hidupan atau bukan hidupan dari dasar laut dan sebagainya seperti yang tersebut di bawah Bahagian II, pecahan 4 (a) dan (b). Juga mengenai pembangunan alam sekitar laut seperti yang tersebut di dalam Bahagian IV, pecahan 9 dan berbagai-bagai kerja menyelidik secara

saintifik laut seperti yang tersebut di Bahagian V dalam Rang Undang-undang ini.

Jika andaian saya ini benar maka pasti mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tersebut semakin bertambah ramai dari semasa ke semasa sama ada pegawai-pegawai atau kakitangan dari sektor awam ataupun swasta ataupun orang-orang awam yang terdiri daripada pelancung-pelancung dalam dan luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang sama golongan-golongan ini telah menjadi sasaran kepada lanun-lanun di laut yang semakin banyak dan meluas. Oleh itu tidaklah menjadi perkara yang mustahil pergerakan-pergerakan lanun ini akan bertambah hebat di kawasan-kawasan perairan kita. Walaupun penglibatan orang ramai tidak begitu banyak sepertimana yang saya sebutkan tadi kemungkinan-kemungkinan akan berlaku, tetapi pergerakan-pergerakan lanun di persisiran pantai atau di laut-laut di negara kita masih kedengaran di sana sini. Dengan yang demikian masalah menjamin keselamatan harta benda dan nyawa orang ramai adalah semakin penting dan mustahak.

Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya usaha-usaha memperlengkapkan kelengkapan kepada pasukan-pasukan keselamatan di kawasan perairan kita perlu diberi perhatian yang serius seperti mengadakan bot-bot peronda yang lebih moden dengan kelengkapan senjata yang moden, juga alat-alat kawalan udara seperti helikopter dan sebagainya.

Yang kedua, jumlah pasukan kawalan keselamatan di kawasan perairan ini perlu juga ditambah dari semasa ke semasa sesuai . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang :** (*Bangun*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** apa Yang Berhormat hendak?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Koram tidak cukup.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Tolong bilang. Sila duduk Yang Berhormat! Bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir).*

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. bagi menjamin keselamatan orang ramai dan harta benda di kawasan perairan ini sepertimana yang saya katakan tadi.

Yang ketiga, anggota-anggota pasukan keselamatan kita mestilah sentiasa dilatih dan diuji kecekapan mereka dari semasa ke semasa supaya sentiasa berada di dalam keadaan siap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.

Yang keempat, sebuah Jawatankuasa Tetap Keselamatan Laut patut diwujudkan dengan dianggotai oleh pegawai-pegawai keselamatan laut dari negara-negara jiran tetangga kita seperti yang dilakukan dalam kerjasama sempadan bagi gerakan menentang penganas-penganas komunis. Menerusi Jawatankuasa Keselamatan Laut ini kita berharap akan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada negara-negara jiran kita di dalam usaha menentang lanun-lanun di laut. Saya membangkitkan perkara ini kerana berpandukan betapa berjaya usaha-usaha kita dalam menentang komunis dengan wujudnya sebuah Jawatankuasa Keselamatan Sempadan di antara Malaysia/Indonesia dan Malaysia/Thailand. Oleh sebab itu, saya rasa adalah perlu Jawatankuasa yang mempunyai fungsi bagi menjamin keselamatan di kawasan laut ini juga perlu diwujudkan di antara negara kita dengan negara-negara jiran. Menerusi

Jawatankuasa Keselamatan Laut itu bukan sahaja boleh kita gunakan untuk menentang lanun-lanun tetapi juga untuk mencegah pencemaran dalam atau menjaga kebersihan pantai-pantai negara masing-masing. Lagipun jika Kerajaan di negara-negara jiran ini tidak diperolehi atau kerjasama daripada negara-negara jiran tidak diperolehi, besar kemungkinan usaha-usaha untuk mencegah keganasan lanun-lanun di laut ini tidak akan berjaya. Sekalipun kita dapat mengadakan pasukan yang cekap terlatih serta alat-alat kelengkapan yang moden tetapi oleh sebab keadaan pantai yang begitu panjang, adalah mustahil segala-segalanya dapat diatasi dengan jayanya oleh pasukan-pasukan kawalan laut atau di perairan kita. Maka sebab itu saya menekankan supaya Jawatankuasa Keselamatan Laut ini hendaklah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi konsep kawasan perairan seluas 12 batu dan kawasan Selat Antarabangsa seperti yang dipersetujui oleh konvensyen baru mengenai Undang-undang Laut 1982 yang lalu, satu perkara yang menimbulkan kesulitan kepada negara kita ialah kedudukan laut Selat Melaka. Berdasarkan sejarah perjalanan lalulintas laut maka sudah pasti Selat Melaka akan termasuk di dalam apa yang dimaksudkan dengan Selat Antarabangsa dan dengan konsep jarak 12 nautika kawasan perairan sesebuah negara maka laut Selat Melaka juga sudah pasti akan termasuk sebahagiannya terletak di bawah kedaulatan negara Indonesia. Ini bermakna kuasa lalulintas di perairan Selat Melaka itu akan tertakluk kepada undang-undang lalulintas negara kita dan undang-undang lalulintas negara Indonesia serta undang-undang lalulintas pihak yang berkuasa laut antarabangsa. Apa yang membimbangkan kita ialah tentang keselamatan perairan kita sama ada

dari segi kecemaran atau kegiatan-kegiatan lain seperti pengintipan oleh negara-negara asing yang mungkin berlaku dari masa ke semasa. Oleh itu satu perjanjian lalulintas bersama di antara mereka yang terlibat mestilah diadakan supaya Kerajaan kita akan dapat memastikan setiap perkembangan dan kemungkinan yang akan berlaku di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan kuasa kerja buru seperti yang tersebut dalam Fasal 25 Rang Undang-undang ini. Saya mohon izin untuk membacanya:

**"Perkara 25—Kerja Buru.**

Jika mana-mana pegawai berkuasa mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu vesel asing telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dia boleh mengejar buru vesel tersebut dengan tujuan menahan dan menangkapnya dan membawanya ke dalam zon ekonomi eksklusif mengikut undang-undang antarabangsa."

Memang sedap kalau kita baca peraturan ini dan memang wajar peruntukan ini dimasukkan. Tetapi keselamatan diri mereka yang ditugaskan untuk memburu itu juga perlu diambil kira kerana orang-orang yang akan diburu itu kita tidak dapat mengukur kekuatan mereka. Boleh jadi alat kelengkapannya lebih moden daripada kita dan senjata yang digunakan atau dilengkapi kepada bot-bot atau kapal-kapal mereka lebih tinggi mutunya dan kekuatannya daripada apa yang dapat kita adakan atau kita gunakan untuk kepentingan pasukan-pasukan keselamatan kawasan perairan kita. Oleh itu, saya mencadangkan supaya bot-bot peronda yang ditugaskan untuk memburu itu mestilah mempunyai mutu yang tinggi ataupun kelengkapan yang moden, kalau boleh biarlah ianya

tidak dapat ditembusi peluru dan senjata-senjata yang dipakai itu mestilah jenis-jenis senjata yang termoden. Jika tidak, anggota pasukan kita sentiasa berada di dalam keadaan bahaya dan menjejaskan keselamatan kawasan pengawalan keselamatan perairan kita. Oleh sebab itu, saya berharap supaya perkara ini juga patutlah kita sediakan payung sebelum hujan. Janganlah sesudah anggota-anggota pasukan kawalan keselamatan kita terbujur di lautan barulah kita memikirkan betapa pentingnya mereka dibekalkan dengan alat-alat yang lebih selamat tetapi telah menelan korban yang menyedihkan. Sekiranya segala kelengkapan yang tersebut tadi dapat diadakan ini adalah merupakan satu ikhtiar bagi memberikan satu semangat bekerja lebih tinggi kepada pasukan-pasukan kita dan kelak akan menjamin supaya kawalan di kawasan perairan ini dapat berjalan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya dengan sukacitanya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang dibentangkan pada petang semalam. Wabillahi taufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.28 ptg.

**Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif, 1984.

Malaysia adalah sebuah semenanjung yang dikelilingi oleh laut. Memandangkan kepada ini penggubalan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif bagi melindungi zon ekonomi Malaysia adalah begitu tepat pada masanya. Kedudukan Malaysia adalah

begitu strategik di jalan Barat/Timur perjalanan laut antarabangsa. Dengan yang demikian adalah begitu mustahak bagi kita memperlindungi perjalanan laut dan zon ekonomi di dalam lingkungan 200 batu nautika daripada sempadan pantai kita.

Penggubalan zon ekonomi eksklusif adalah untuk menentukan bahawa segala kegiatan yang dijalankan tidak menjejaskan kebaikan perairan persekitaran negara kita. Sekiranya kegiatan-kegiatan di dalam zon ekonomi eksklusif tidak diawasi sudah memang mereka yang menggunakan kawasan perairan di dalam zon ini akan mengeneipkan perairan persekitaran zon ini.

Memandangkan bahawa zon ini meliputi satu kawasan perairan yang luas maka kawalan dan penguatkuasaan akan menjadi rumit. Apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan kita perlu menentukan bahawa pemakaiannya juga berkesan di dalam kawasan-kawasan perairan yang jauh daripada sempadan pantai. Jika tidak, Rang Undang-undang ini akan hanya menjadi satu Rang Undang-undang yang tidak akan membawa kesan.

Tuan Yang di-Pertua, teguran saya ini ada asasnya. Gallium tenggelam yang didapati baru-baru ini di perairan Mersing adalah sebuah contoh yang baik. Kita telah menggunakan satu proses yang panjang sebelum kita dapat mengambil alih kekayaan daripada Gallium yang tenggelam selepas dianya diterokai oleh orang-orang lain. Ini juga membuktikan bahawa pengawalan di dalam kawasan perairan adalah begitu susah khususnya apabila kita menghadapi satu kawasan perairan yang luas.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita tidak membuat permulaan kedudukannya akan bertambah buruk. Dengan adanya Rang Undang-undang ini kita secara

langsung memberi amaran bahawa negara kita tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang kegiatan yang melanggar hak milik sumber-sumber alam, perairan, pelantar benua dan juga di dalam kawasan zon ekonomi eksklusif.

Kita perlu meningkatkan usaha kita untuk menentukan bahawa sumber-sumber kekayaan pelantar benua kita dipelindungi. Sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh lautan adalah mustahak bagi Malaysia supaya mempunyai hak eksklusif untuk mencari gali dan mengeksploitasi kawasan-kawasan perairan. Ini akan membawa faedah yang besar kepada negara. Sumber minyak yang didapati di perairan Terengganu adalah satu contoh. Pendapatan yang diperolehi daripada hasil minyak telah pun memberi sumbangan kepada perkembangan sosio-ekonomi negara dan secara langsung telah meninggikan taraf kehidupan rakyat-rakyatnya. Hasil daripada kawasan perairan akan menjadi lumayan sekiranya kita mempunyai satu sistem eksploitasi sumber alam perairan yang teratur di dalam zon ekonomi eksklusif.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang penting ialah kegiatan perikanan dalam kawasan-kawasan perairan zon ekonomi eksklusif. Kita harus meningkatkan usaha kita supaya memperkembangkan kegiatan menangkap ikan dalam kawasan lautan yang dalam. Usaha menangkap ikan dalam lautan dalam di Malaysia adalah begitu baru sekiranya dibandingkan dengan negara-negara maju.

Oleh yang demikian, adalah begitu mustahak bagi pihak Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan menangkap ikan di dalam lautan dalam zon ekonomi eksklusif. Kita perlu mengembangkan teknik-teknik menangkap ikan lautan dalam supaya kita dapat menawarkan secara alternatif kepada nelayan-nelayan tempatan kita.

Saya penuh yakin bahawa potensinya adalah begitu baik sekiranya kita dapat mengadakan kemudahan-kemudahan sebaiknya zon ekonomi eksklusif dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang membimbangkan negara kita adalah pencemaran kawasan-kawasan perairan negara kita. Minyak yang tertumpah daripada kapal-kapal yang menggunakan kawasan perairan kita sentiasa memberi ancaman kepada negara kita.

Malaysia telah pun mengalami beberapa kali akibat tumpahan minyak di mana kita perlu membelanjakan perbelanjaan yang besar. Kerosakan yang kita alami di kawasan pantai tidak dapat diperbaiki. Tindakan perlu diambil terhadap kapal-kapal ini. Mereka perlu membayar ganti rugi terhadap kerosakan yang mereka lakukan. Sebagaimana yang kita sedia maklum apabila kerosakan berlaku kita memerlukan masa untuk memulih semula perseimbangan ecologi. Kita perlu mengelakkan daripada kejadian buruk sebelum ianya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan yang ketat perlu diadakan terhadap penyelidikan sains marin. Sungguhpun kita perlu menggalakkan penyelidikan yang semacam ini kita harus menentukan bahawa kegiatan yang dijalankan tidak menjejaskan kepentingan negara. Semasa kita memberi kebenaran supaya penyelidikan semacam ini dijalankan di dalam zon ekonomi eksklusif kita, kita perlu menentukan bahawa pakar kita sendiri terlibat di dalam penyelidikan yang seumpama ini. Kita tidak boleh mempertanggungjawabkan organisasi penyelidikan untuk memberi maklumat kepada kita apabila dikehendaki. Apa yang penting adalah bahawa dengan adanya pakar-pakar kita yang terlibat dalam Pasukan Penyelidikan Pakar kita akan dapat mempelajari kegiatan mencari gali.

Saya yakin bahawa memang terdapat beberapa badan di dalam Malaysia yang mempunyai minat untuk mengambil bahagian bersama dengan organisasi antarabangsa yang kini menjalankan penyelidikan di dalam zon ekonomi eksklusif kita. Adalah demi kepentingan negara kita sendiri sekiranya pakar-pakar kita dibenarkan untuk melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu meningkatkan usaha untuk menentukan undang-undang ini yang berkesan demi memperlindungi zon ekonomi eksklusif yang telah pun kita gubal. Dengan terdapatnya hasil minyak dan gas cecair yang menjadi mata pencarian kita, kita mempunyai sebab-sebab yang kukuh untuk memperlindungi kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin memberi sokongan kepada Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif 1984.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Tampin.

*4.39 ptg.*

**Tuan Omar bin Abdullah (Tampin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan sebelum itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkannya semalam.

Setelah meneliti Rang Undang-undang ini saya rasa adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyokongnya terutama sekali kerana Akta ini menegaskan tentang kedaulatan negara yang merupakan satu perkara yang paling mustahak dan serius bagi semua rakyat Malaysia.

Yang kedua, Akta ini merupakan asas kepada pengwujudan kawalan persekitaran maritime Malaysia secara teratur, sistematik demi kepentingan

ekonomi negara dan perlindungan kepada rakyat Malaysia yang bergantung hidup kepada lautan.

Yang ketiga, saya dapati tidak ada pula apa-apa perkara dalam Rang Undang-undang ini yang bertentangan dengan persetujuan antarabangsa dalam konvensyen-konvensyen laut yang telah diadakan.

Perkara yang keempat, Rang Undang-undang ini menentukan dengan jelas hak-hak Malaysia dalam kawasan nautical 200 batu khususnya dalam bidang penggerudian minyak, perikanan, pemeliharaan alam sekitar laut, penyelidikan laut, pemasangan kebal, talian dan sebagainya. Ianya juga memperuntukkan prosiding-prosiding undang-undang menyebut tentang pampasan dan kesalahan-kesalahan untuk maksud penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semalam sebagai sebuah negara yang disekitari oleh laut dan memandangkan pengaruh laut dalam berbagai bidang kehidupan kita, khususnya dalam bidang perikanan memang sangat-sangat perlu kita mewujudkan satu Akta bagi menentukan kedaulatan dan kuasa negara ke atas zon ekonomi eksklusif selaras dengan persetujuan dan keputusan perundingan antarabangsa. Perkara ini disebut dengan jelas dalam Bahagian II Rang Undang-undang ini, Bahagian II, Perkara 4 (a), (b) dan (c) memperuntukkan dengan jelas hak-hak negara dalam bidang seperti yang telah disebutkan dalam Rang Undang-undang.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada hak-hak kita terhadap harta karun yang tenggelam di lautan dilindungi oleh Perkara 4 (c) Bahagian tersebut.

Saya bersetuju dengan pendapat yang menyeru supaya pihak Kerajaan

memberi perhatian utama kepada masalah sempadan bertindih dengan zon ekonomi negara jiran sama ada yang disebabkan oleh kesempitan Selat Melaka sendiri ataupun akibat definisi pelantar benua dan ukuran zon ekonomi eksklusif 200 batu nautical. Walaupun persetujuan konvensyen laut antarabangsa menentukan sempadan-sempadan ini perlulah ditentukan dengan cara persetujuan, perkara ini mungkin menghadapi masalah untuk di selesaikan kerana tiap-tiap negara mementingkan kepentingan ekonomi negara masing-masing, dan hanya dapat dirundingkan dalam suasana persefahaman aman dan tenang seperti yang berjaya kita wujudkan melalui konsep kerjasama ASEAN.

Perkara 5 Bahagian II haruslah ditinjau dari sudut pengasasan satu peraturan terperinci yang lengkap dan menyeluruh dalam kegiatan mendapatkan kekayaan negara dari sumber laut yang semakin bertambah penting pada masa kini, bukan sahaja kerana kegiatan industri petroleum dan perikanan, tetapi juga kemungkinan terjumpanya sumber laut yang lain hasil daripada penyelidikan saintifik laut. Mungkin sudah sampai masanya Kerajaan menumpukan usaha-usaha untuk mewujudkan kepakaran tempatan dalam penyelidikan sumber-sumber laut.

Perlindungan yang dapat diberikan oleh Rang Undang-undang ini kepada industri perikanan dan rakyat Malaysia bergantung hidup kepada laut adalah sangat-sangat dialu-alukan, tetapi yang perlu dan lebih dipastikan ialah keupayaan Pasukan Penguatkuasaan kita bukan sahaja untuk melindungi keselamatan nelayan-nelayan tersebut, tetapi juga untuk melindungi ikan-ikan dan hidupan-hidupan laut yang lainnya, yang menjadi sumber pencarian mereka, dari nelayan-nelayan asing yang menggunakan teknologi perikanan yang lebih maju dan sering

sangat dilaporkan mencero bohi perairan perikanan Malaysia. Di samping itu kegiatan lanun-lanun juga semakin bertambah dan pendudukan haram pulau-pulau di zon ekonomi Malaysia juga memerlukan tenaga penguatkuasaan yang lebih besar dan peralatan yang lebih moden dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Fasal 8, Bahagian III dan peraturan Jabatan Perikanan memberi peruntukan kepada pihak penguatkuasa bagi mengambil tindakan kepada mana-mana pihak nelayan-nelayan asing yang mencero bohi perairan Malaysia dan pelaksanaan tegas diambil untuk melindungi nelayan-nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri semalam adalah amat penting peruntukan-peruntukan dibuat untuk melindungi negara ini dari kemusnahan dan kerugian akibat pencemaran laut. Peruntukan Bahagian IV, Rang Undang-undang Fasal 9 hingga 15 pada pendapat saya adalah cukup memadai. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kenyataan beliau semalam di mana kuasa pihak berkuasa di luar kawasan zon ekonomi eksklusif kita, khususnya di kawasan perairan antarabangsa Selat Melaka. Memandangkan kesempitan Selat Melaka, tumpahan minyak di kawasan perairan antarabangsa atau di sebelah zon ekonomi negara Indonesia misalnya, sudah tentu akan juga membahayakan negara kita. Yang demikian, mungkin ada baiknya Kerajaan merundingkan semula di peringkat antarabangsa dan merundingkan semula dengan jiran-jiran kita di rantau ini untuk kuasa kejar-buru di Selat Melaka dikecualikan dari peruntukan Perkara 3 Konvensyen Laut 1982, dan pihak penguatkuasa kita dibenarkan mengejar-buru pesalah-pesalah di

seluruh Selat Melaka. Sementara itu saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada pihak penguatkuasa kita atau pihak Kerajaan mempunyai kepakaran dan kelengkapan yang cukup untuk menghadapi masalah-masalah dan kemungkinan-kemungkinan berlakunya tumpahan minyak mentah dan lain-lain pencemaran. Kalau berlaku mengikut pandangan Yang Berhormat Menteri bukan sahaja mendatangkan kerugian yang teruk, tetapi boleh mengugat eco system dan kawasan-kawasan berpantai Malaysia.

Saya tidak pasti sama ada denda \$1 juta yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini mencukupi sebagai gantirugi akibat kerosakan-kerosakan pencemaran. Yang demikian, Malaysia perlulah berusaha lebih gigih lagi supaya skim pampasan yang dicadangkan oleh "Inter-Government Maritime Organisation" dengan izin, diterima di semua peringkat antarabangsa secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam Bahagian VI adalah amat perlu bagi memberi kuasa kepada pihak berkuasa atau Kerajaan mengawal keadaan di pulau-pulau, pemasangan-pemasangan dan struktur buatan memandangkan kegiatan pengerudian dan pengeluaran minyak di kawasan zon ekonomi eksklusif kita yang sedang bertambah, lebih-lebih lagi penglibatan ramai warganegara asing di tempat tersebut. Memandangkan tempat tersebut adalah kawasan kedaulatan negara maka sudah tentu menjadi tanggungjawab Kerajaan dalam semua perkara seperti adat-resam, fizikal, kesihatan, imigresen, lebih-lebih lagi dalam hal keselamatan. Begitu jugalah halnya dalam bidang pemasangan kebal bawah tanah dan talian paip perlulah diawasi oleh Kerajaan dengan sepenuhnya. Perkara ini telah pun diberi peruntukan dalam Bahagian yang ke VI.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Shamrusi bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Ipoh.

4.48 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Onn (Ipoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang sedang dibahaskan sekarang di Dewan yang mulia ini.

Saya masih ingat bahawa kira-kira 6 tahun yang lalu, ada satu cadangan atas Rang Undang-undang ini dan saya tidak faham kenapa ianya mengambil sekian lama bagi pihak Kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini, barangkali pihak Kerajaan boleh menerangkan.

Rang Undang-undang ini telah lama terlewat kerana ia adalah satu hakikat bahawa perairan-perairan di pantai-pantai kami adalah seringkali diserang oleh nelayan-nelayan asing. Nelayan-nelayan asing dengan perahu-perahu moden dan alat-alat perikanan mereka telah seringkali mencero bohi dalam perairan kami bagi menangkap ikan. Nelayan-nelayan tempatan kami tidak dapat bersaing dengan mereka kerana alat-alat perikanan yang fesyen lama.

Rang Undang-undang ini adalah tepat bahawa kami telah mengisytiharkan sekarang bahawa laut-laut di zon ekonomi adalah menjadi sebahagian perairan perikanan Malaysia.

Sekarang kami mempunyai undang-undang untuk mengendalikan dengan nelayan-nelayan asing yang datang ke dalam zon tanpa kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menunjukkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, khususnya Kementerian Pertanian bahawa Parlimen boleh meluluskan satu Rang Undang-undang untuk

memberi hak-hak perundangan kepada pihak Kerajaan untuk mendakwa nelayan-nelayan yang haram di dalam zon itu, tetapi adalah menjadi perkara lain sama sekali jika Kementerian-kementerian yang berkenaan tidak dapat melindungi dengan secukupnya hak-hak kami di dalam zon itu.

Saya difahamkan bahawa dalam bulan September, Jabatan Perikanan mengemukakan hanya 3 kes perahu-perahu asing mencero bohi ke dalam perairan Malaysia. Jabatan itu juga mengakui bahawa mereka tidak dilengkapi untuk mengendalikan kedudukannya kerana perahu-perahu Jabatan Perikanan adalah kecil belaka dan hanya boleh melibatkan lebih kurang 12 km. Pembatasan ini tidak dapat pun melindungi dengan secukupnya 19.4 km hak perairan Malaysia yang ada sekarang ini, belum termasuk mencuba melindungi 200 batu notika yang ditakrifkan oleh zon ekonomi eksklusif ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak adil memilih Kementerian Pertanian atas masalah penguatkuasaan ini. Masalah penguatkuasaan ini akan dapat dipergunakan setanding kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang ditugaskan di bawah Akta ini untuk memastikan kapal-kapal tidak akan mengeluarkan minyak atau bentuk-bentuk pencemaran lain ke dalam zon ini. Pihak Jabatan Perdana Menteri pula memastikan bahawa eksploitasi sumber-sumber semula jadi di dalam zon ini dan 'shelf continental' adalah hak berdaulat kami. Pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos pula untuk mengawal penyelidikan dan eksploitasi zon ini bagi pengeluaran tenaga dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menamakan beberapa Kementerian dan ada lagi yang akan menyelesaikan masalah penguatkuasaan ini. Saya

berharap pihak Kerajaan dapat menasihati Dewan yang mulia ini apakah langkah kemudian setelah Enakmen Rang Undang-undang ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memahami bahawa masalah tempoh kemelesetan ini pihak Kerajaan barangkali mempunyai masalah-masalah memperuntukkan wang yang cukup bagi penguatkuasaan ini. Saya dapat melihat cara yang paling cepat dan murah untuk mengatasi masalah ini buat sementara waktu ialah mengeluarkan lebih lagi lesen-lesen kepada nelayan-nelayan tempatan kami untuk perahu-perahu perikanan pukut tunda dan perahu-perahu yang boleh pergi ke lautan. Mereka seharusnya disediakan dengan set-set wireless dan digalakkan berbuat sebagai mata dan telinga pihak Kerajaan. Ianya mesti jangan ada sekarang batasan atas nelayan-nelayan bukan bumiputera untuk memohon lesen-lesen yang begitu, akhirnya mereka semua adalah warganegara kami. Dengan cara ini juga kami akan dapat meningkatkan taraf kehidupan antara nelayan-nelayan yang dikenali sebagai salah satu golongan yang paling miskin dalam community kami. Memanglah dan tidak payah dikatakan bahawa pihak Kerajaan mesti memberi pinjaman-pinjaman yang murah hati kepada nelayan-nelayan ini untuk mereka pergi menangkap ikan di lautan. Sekian.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.55ptg.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif 1984 ini dan pada pandangan saya Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu perkara yang penting oleh kerana bila dilaksanakan nanti ia akan memberikan status undang-

undang kepada hak perairan meliputi kawasan 200 batu notika bagi perairan kita yang sudah tentulah akan memberikan faedah-faedah ekonomi yang lebih luas dan lebih besar lagi kepada kita.

Rang Undang-undang ini pada pandangan saya juga adalah besar ertinya daripada segi kenegaraan dan pendaulatan hak-hak negara kita oleh kerana ia akan membolehkan langkah-langkah kawalan yang lebih berkesan dan terjamin terhadap kawasan perairan tersebut yang bukan sahaja akan memberikan faedah kepada negara ini sendiri malah juga kepada masyarakat antarabangsa yang terlibat dengan penggunaannya.

Saya walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, hanya akan menyentuh satu-dua perkara yang saya fikir perlu ditekankan. Perkara ini ialah berhubung dengan pelaksanaan penguatkuasaan Akta ini bila dikuatkuasakan nanti.

Meneliti Rang Undang-undang ini, saya sebagaimana rakan-rakan saya berpendapat bahawa aspek penguatkuasaan Akta ini nanti adalah sangat penting bagi menjamin kedaulatan hak-hak dan penggunaan perairan kita secara selamat, secara licin dan terkawal. Menentukan hak melalui perundangan sahaja sebenarnya tidak bererti dan tidak mencukupi sekiranya hak-hak ini boleh dicabuli, malah dieksploitasikan semahu-mahunya oleh rakyat atau sesebuah negara asing, lebih-lebih lagi daripada segi ekonominya dan daripada segi keselamatannya.

Saya berpendapat sangat benar pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa kita sebenarnya kurang berkeupayaan bagi mewujudkan pengawalan perairan negara kita secara berkesan dan secara terjamin. Dengan pengluasan zon ekonomi eksklusif negara ini masalah ini tentunya akan bertambah buruk.

Dengan hal yang demikian itu, saya berpendapat Kerajaan patutlah mengkaji semula keupayaan susunan, pendekatan dan strategi pengawalan serta pertahanan perairan kita yang juga bererti pertahanan negara ini sendiri. Kita patut juga mengkaji semula keutamaan kawasan-kawasan kawalan pertahana kita berdasarkan kepada keperluan, masalah serta kepentingan-kepentingan keselamatan dan pertahanan.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja tidak mempunyai cukup kapal-kapal perang, kapal-kapal dan kapal-kapal terbang ronda malah sebenarnya setengah-setengah perairan kita adalah begitu terdedah luas tanpa pengawalan yang cukup, terutamanya pada musim-musim yang tertentu seperti musim tengkujuh.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa kita hanya mempunyai 4 buah kapal terbang jenis 'fixed wing' di dalam Angkatan Polis yang digunakan sebagai kapal terbang peninjau dan ini jelas sangat-sangatlah tidak mencukupi. Pada tahun lepas ketika Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memerintahkan supaya diadakan kawalan perairan yang lebih ketat terhadap perairan Terengganu bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan-nelayan asing, 2 buah daripada kapal-kapal terbang ini ataupun 50% daripada jumlahnya telah dimobilisekan untuk tugas tersebut, meninggalkan hanya 2 buah sahaja untuk kegunaan di lain-lain tempat. Keadaan ini adalah bukan sahaja tidak memuaskan malah membimbangkan dan perlu pada pandangan saya diberikan perhatian serius dan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, perairan Pantai Timur Semenanjung pada pandangan saya adalah satu perairan yang sangat penting bukan sahaja dari segi ekonomi malah juga daripada segi

'echo system' dan tetap terutamanya pertahanan dan keselamatan negara ini, pada hakikatnya inilah satu-satunya kawasan perairan kita yang paling terdedah dan tidak mempunyai kawal seliaan yang cukup dan berkesan. Kita pada masa ini mungkin memberikan keutamaan kepada tugas-tugas kawal seliaan Selat Melaka memandangkan kepentingannya sebagai satu perairan perdagangan antarabangsa yang penting, tetapi saya berpendapat kita juga perlu menseimbangkan kepentingan-kepentingan ini dengan kepentingan-kepentingan sosio-ekonomi rakyat kita sendiri dan pertahanan negara. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kerajaan terhadap beberapa masalah yang terdapat di perairan Pantai Timur Semenanjung bagi menjelaskan lagi keadaan-keadaan, masalah-masalah dan kepentingan-kepentingannya.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga telah disentuh oleh ramai Ahli-ahli Dewan ini sebelum daripada saya, perairan Pantai Timur Semenanjung telah lama dan masih lagi menjadi gelanggang pencerobohan nelayan-nelayan asing khususnya dari negara Thai yang mengeksploitasikan sumber-sumber kekayaan perairan kita dengan sewenang-wenangnya dengan menggunakan bot-bot besar dan alat-alat moden yang destructive. Mereka bukan sahaja mengeksploitasi hasil perikanan kita malah mereka sebenarnya telah memusnahkan sumber-sumber tersebut melalui penggunaan pukuk-pukuk tunda besar dan juga bom-bom. Yang musnah akibat pencerobohan mereka bukan sahaja ikan dan lain-lain kehidupan laut seperti penyu tetapi juga batu-batu karang, tempat-tempat pembiakan ikan dan hidupan laut serta alat-alat menangkap ikan nelayan-nelayan kita. Akibat-akibat buruknya adalah sangat besar. Ikan bukan sahaja makin berkurangan tetapi setengah-setengah kehidupan laut seperti penyu

sebenarnya menghadapi bahaya akan pupus.

Nelayan-nelayan asing ini juga bukan sahaja bersaring secara haram dengan nelayan-nelayan kita tetapi sebenarnya merupakan ancaman bahaya kepada nelayan-nelayan tempatan. Dengan kekuatan yang ada kepada mereka termasuk alat-alat senjata mereka mengugut dan setengahnya memeras nelayan-nelayan kita. Mereka adalah satu angkatan yang sangat-sangat ditakuti oleh nelayan-nelayan kita sendiri. Malah saya juga diberitahu oleh penduduk-penduduk Pulau Perhentian dan Pulau Redang dalam kawasan pilihanraya bahawa pada musim-musim tengkujuh terdapat beratus-ratus bot-bot nelayan Thai yang mencerobi perairan kita dan setengah dari mereka mendarat di kedua-dua pulau tersebut. Inilah yang menjadi persoalannya, iaitu bagaimanakah boleh dibiarkan nelayan-nelayan kita, rakyat kita sendiri menghadapi bahaya dan ancaman rakyat asing dan berada dalam ketakutan ketika mencari rezeki dalam negaranya sendiri dan bagaimana pula boleh rakyat negara asing dibiarkan bebas memasuki perairan dan mendarat, memijak tanah kita secara berleluasa. Kepada saya ini adalah soal kedaulatan dan soal maruah yang serius yang perlu ditebus dengan segera.

Satu perkara yang lain yang perlu saya bangkitkan di sini ialah tentang kemusnahan batu-batu karang di perairan Pulau Perhentian dan Pulau Redang yang diakibatkan oleh kegiatan-kegiatan nelayan Thai ini. Kawasan Pulau Perhentian—Pulau Redang telah pun digazetkan sebagai satu kawasan Taman Kehidupan Laut bagi negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika melawat Australia baru-baru ini telah menyebut bahawa Kerajaan akan melaksanakan satu projek marine resort di Terengganu yang mengikut fahaman saya tentulah akan meliputi projek

taman hidupan laut di perairan Pulau Perhentian dan Pulau Redang ini. Dengan hal yang demikian itu adalah sangat penting bahawa eco-system kawasan ini dilindungi secukupnya untuk menghalang pemusnahan yang berterusan dan kerja-kerja baik pulih hendaklah dilaksanakan. Jika ini gagal dilaksanakan sudah tentulah ia akan mejejaskan projek yang dimaksudkan itu dan apa yang dikatakan sebagai Taman Kehidupan Laut itu tentulah tidak bermakna lagi.

Bagi memastikan keadaan dan extent kerosakan yang sebenarnya terhadap batu-batu karang dan kehidupan laut di kawasan ini saya berharap pihak berkuasa yang berkenaan dapat menghantar satu pasukan untuk mengkaji perkara ini dan bagi menyekat kemusnahan seterusnya penguatkuasaan terhadap pencerobohan nelayan-nelayan Thai hendaklah ditingkatkan dengan berkesannya.

Saya memang faham, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penguatkuasaan bukanlah satu-satunya jalan untuk mengatasi masalah pencerobohan nelayan-nelayan Thai ini. Saya berpendapat perkara ini juga perlu dan memerlukan usaha-usaha yang lain seperti perundingan-perundingan bagi mendapatkan kerjasama Kerajaan Thai. Saya yakin dengan semangat kejiranan yang sedia wujud di antara negara Thai dan terutamanya dengan semangat ASEAN yang sangat kuat didokong oleh kedua-dua negara masalah ini boleh dan patut diselesaikan.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, perairan Pantai Timur Semenanjung adalah merupakan pintu masuk kepada pendatang-pendatang haram Vietnam yang telah banyak memberi beban dan mendatangkan masalah kepada kita. Masalah ini juga hingga sekarang belum lagi dapat diatasi dan pelarian-pelarian Vietnam masih lagi

mendatangi negara kita. Ini adalah disebabkan Malaysia adalah merupakan destinasi transit bagi mereka. Sungguhpun kita bersedia bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa di dalam menghadapi masalah-masalah kemanusiaan seperti ini, ini tidaklah bererti bahawa kita mesti bersedia memainkan peranan sebagai sebuah pusat penempatan transit yang terbuka bagi pendaratang-pendatang haram Vietnam. Dasar kita yang sepatutnya ialah dasar yang tidak menggalakkan dan langkah kita yang sepatutnya ialah langkah mencegah, langkah menolak oleh kerana bukan sahaja masalah pendaratang haram ini membeban dan menyulitkan kita malah sebenarnya menimbulkan banyak masalah dan menyentuh sensitivity dalam negeri sendiri.

Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ketiga di kalangan masyarakat antarabangsa pada masa ini nampaknya telah menunjukkan makin kurang minat dan semakin sangat selective di dalam menerima pendaratang-pendatang haram Vietnam dari pusat-pusat transit di negara ini.

Isu pokoknya di sini pada saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kita akan menjadi sebuah negara transit yang kekal bagi pelarian-pelarian Vietnam ini atau jika keadaan ini hanyalah untuk sementara soalnya ialah berapa lamakah lagi peranan ini mesti dimainkan dan ditanggung oleh Malaysia sedangkan peranan dan beban ini sudah terlalu lama dipikul oleh kita dan jalan hujungnya nampaknya tidak ada.

Di dalam menghadapi persoalan ini saya fikir Kerajaan kita sendiri patutlah meletakkan satu matlamat (dead line) terhadap penyelesaian masalah ini dan mengambil langkah-langkah berkesan untuk menyekat kemasukan berterusan pelarian-pelarian Vietnam ke negara ini.

Pengundi-pengundi kawasan saya di mana terletaknya Pulau Bidong yang digunakan sebagai pusat penempatan dan pemerosesan pendaratang-pendatang haram Vietnam ini meminta saya menyampaikan desakan mereka kepada Kerajaan supaya Pulau Bidong dan perairannya yang dahulunya digunakan oleh mereka sebagai kawasan menangkap ikan dan kawasan mencari perlindungan segera dikembalikan untuk kegunaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan dapat memberikan perhatian terhadap hasrat ini.

Berdasarkan kepada keadaan-keadaan masalah-masalah dan ancaman-ancaman yang telah saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa saya telah menunjukkan bahawa perairan Pantai Timur Semenanjung mempunyai banyak kepentingan-kepentingan dan masalah-masalah sosio ekonomi, ecosystem dan keselamatan kepada kita. Kepentingan-kepentingan ini perlu dipertahankan dan masalahnya perlulah di atasi dengan segera dan berkesan.

Di atas pandangan-pandangan ini jugalah saya suka menganjurkan supaya Kerajaan menjadikan perairan ini sebagai satu perairan utama dan penting dan lebih dipentingkan dari segi pengawalan, pertahanan dan penempatan Angkatan Tentera Laut dan Pengkalan Marine. Tidak keterlaluan jika saya mencadangkan supaya sebuah Angkatan Tentera Laut kita ditempatkan di Pantai Timur yang mempunyai pengkalannya sendiri atau secara berkongsi dengan Polis Marine bagi tujuan untuk memberikan mobility, flexibility dan ekonomi yang lebih baik dan berkesan kepada pergerakan dan operasi mereka itu.

Menimbang kepentingan-kepentingan, masalah-masalah dan keperluan-keperluan yang terdapat di

perairan Pantai Timur sekarang adalah mendukacitakan saya bahawa pembinaan pengkalan Marine Police yang dirancang di Pulau Redang sejak hampir sepuluh tahun yang lalu, kalau tidak salah saya masih belum lagi dilaksanakan hingga sekarang.

Dan di dalam keadaan begini juga Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bertanya apakah ertinya kita mendapat hak zon ekonomi eksklusif jika kepentingan-kepentingan dan hak-hak kita tidak dapat didaulatkan dalam ertikata sebenarnya dan kepentingan-kepentingan kita diancam serta dinikmati oleh orang lain.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

*5.10 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, zon ekonomi eksklusif yang luasnya sejauh 200 ukuran batu laut atau batu nautika sebagaimana yang disebut dalam Rang Undang-undang ini adalah pada pendapat saya merupakan suatu perkembangan atau kemajuan terpenting dalam perluasan hak kedaulatan dan bidang kuasa kebangsaan Kerajaan Malaysia ke atas satu kawasan yang diluaskan sejauh 200 ukuran batu laut daripada garisan asas yang mana lebar wilayah laut diukur. Kepentingan Kerajaan Malaysia untuk meluaskan garis pantai dengan memasukkan zon sejauh 200 ukuran batu nautika adalah jelas selaras dengan pandangan-pandangan antarabangsa terutamanya berhubung dengan undang-undang persidangan laut yang berjalan sejak tahun 1977 oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Banyak negara di dunia sudah pun menggunakan zon ekonomi eksklusif dan tidak dapat dinafikan bahawa adalah kepentingan untuk negara

Malaysia dalam meluaskan bidang kuasanya ke atas zon sejauh 200 batu laut yang kedua-duanya terpenting dari segi perdagangan dan strategi kerana kedudukan ilmu alam dan kawasan Laut China Selatan yang akan menjadi kawasan utama yang menarik perhatian ramai.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan zon ekonomi eksklusif sejauh 200 ukuran batu laut akan bermakna bidang kuasa kawasan laut untuk kita adalah lebih luas daripada kawasan daratan Malaysia sendiri. Ini bermakna kita akan mempunyai hak dan tanggungjawab ke atas sumber-sumber perikanan dan sumber-sumber dasar laut di atas kawasan yang bertambah itu.

Selepas mengkaji Rang Undang-undang ini saya berpendapat bahawa ia mencapai kesan yang mendalam, baik pengurusan perikanan sebagaimana yang tersebut dalam Bahagian yang ke III Rang Undang-undang ini dan lain-lain sumber dasar laut asli.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini akan tetapi saya berpendapat bahawa pengemukaan Rang Undang-undang zon ekonomi eksklusif akan juga menimbulkan ataupun membangkitkan beberapa persoalan yang penting berhubung dengan keberkesanan dasar-dasar Kerajaan sekarang dalam bidang-bidang yang berikut:

Yang pertama mengenai perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Yang kedua mengenai pengurusan perikanan Malaysia. Yang ketiga mengenai pengurusan dan pemeliharaan sumber-sumber asli.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pertamanya mengulas berkenaan dengan aspek perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Melihat kepada rekod-rekod dasar Kerajaan mengenai alam sekitar pada masa ini, pengurusan dan penguatkuasaan

undang-undang iaitu pencemaran, kita masih belum sedar ataupun kita masih belum memuaskan dengan keberkesanan dasar Kerajaan untuk menguruskan berbagai masalah pencemaran. Kita masih menerima laporan misalnya dalam surat-surat khabar mengenai pencemaran sungai, pencemaran udara yang memberi kesan kepada masyarakat bandar dan desa, terutamanya golongan masyarakat miskin seperti petani, pekebun kecil, nelayan dari tempat-tempat yang berbeza di negara ini. Satu kajian ke atas Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 baharu-baharu ini dan undang-undang pencemaran yang berkaitan yang dilaporkan oleh Pertubuhan Sahabat Alam Malaysia, ada menggesa betapa perlunya disemak semula Akta Kualiti Alam Sekitar disamping mengira, meninjau kemampuan jentera penguatkuasaan di Jabatan Alam Sekitar. Banyak projek-projek pembangunan yang menerima akibat mendalam dan bersifat memusnah yang dirancang tanpa pertimbangan dari segi alam sekitar.

Nampaknya penilaian kesan alam sekitar ataupun dengan izin dalam Bahasa Inggeris, *environmental impact assessment* belum merupakan satu perintah ataupun belum menjadikan wajib. Dengan rujukan kepada Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif, saya mendapati bahawa Bahagian IV dan V mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut, tetapi tidak disentuh keperluan satu kajian penilaian kesan alam sekitar ataupun *environmental impact assessment* sebelum eksploitasi sumber atau program penyelidikan saintifik laut dirancang dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V, VI dan VII ada membuat peruntukan berhubung dengan menyediakan maklumat oleh mana-mana negeri atau

pertubuhan antarabangsa yang bertujuan menjalankan penyelidikan saintifik laut disamping syarat-syarat memasang kebel-kebel bawah tanah, dan talian paip dan penggunaan pulau-pulau. Walaupun penganan berbagai-bagai syarat yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, akan tetapi apa yang lebih berkesan, pada anggapan saya ialah menjadikan kajian dan laporan penyeliaan kesan alam sekitar (*environmental impact assessment*) sebagai wajib mengenai apa juga kegiatan penyelidikan saintifik laut supaya pihak Kerajaan dapat benar-benar memahami akibat kesan ke atas alam sekitar sebelum memberi kuasa atau kebenaran kepada mana-mana pihak supaya projek-projek dijalankan.

Aspek yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai pengurusan sumber perikanan Malaysia oleh sebab Bahagian III di sini ada menyebutkan tentang masalah perikanan.

Pelaksanaan zon ekonomi eksklusif sejauh 200 batu nautika dipandang sebagai satu langkah ke arah meluaskan kegiatan perikanan dan bidang kuasa ke atas kawasan laut yang boleh membantu memenuhi keperluan terhadap bekalan ikan tambahan yang menjadi sumber zat protein dalam makanan yang penting untuk rakyat. Dalam hubungan ini mestilah terdapat pengurusan sumber-sumber perikanan Malaysia yang teratur. Pengurusan sumber perikanan Malaysia pada masa ini berada dengan keadaan yang menyedihkan di mana 80% nelayan adalah miskin tanpa kemudahan untuk membaiki teknologi penangkapan dan pengendalian secara kecil-kecilan sahaja.

Maka dengan cadangan ini kawasan laut yang termasuk dalam zon ekonomi eksklusif adalah sebahagian perairan sumber perikanan Malaysia dan saya suka mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya pihak Kerajaan

dapat menimbangkan mengenai aspek pengurusan sumber-sumber perikanan sebelum kawasan baru akan memberikan hasil dan faedah untuk kepentingan Malaysia mestilah dengan mudahnya didapati maklumat-maklumat, sumber, jenis dan mutu yang diperlukan oleh pentadbiran dan industri bagi memastikan rancangan-rancangan untuk pembangunan dan langkah-langkah pengurusan perikanan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah tentang keraguan yang timbul mengenai kemampuan bekalan perikanan di Laut China Selatan. Satu kajian yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia telah menjelaskan bahawa bahagian perairan Malaysia di Laut China Selatan akan hanya memberi hak kepada kita untuk tangkapan sejumlah lebih kurang 600,000 tan ikan setahun dan tambahan dari tangkapan oleh lain-lain pukat satu jumlah peratusan yang tinggi ialah ikan yang kurang digemari. Bagaimanapun jika perikanan di Laut China Selatan diuruskan secara teratur, maka ia akan hanya menampung permintaan kita sehingga akhir abad ini.

Memandangkan hal di atas apa yang diperlukan ialah pengurusan yang sempurna dan penambahan bidang kuasa ke atas kawasan sumber memerlukan tambahan tanggungjawab mengenai pengurusan dan pengendalian penyelidikan ekstensif. Pada pendapat saya dua faktor ini adalah diperlukan untuk membangunkan sumber-sumber perikanan Malaysia dan saya menyentuh perkara ini dari segi membincangkan zon ekonomi eksklusif ini.

Perkara yang ketiga yang saya ingin membangkitkan ialah bahawa dengan pelaksanaan zon ekonomi eksklusif sejauh 200 batu nautika, Kerajaan

Malaysia mestilah mempunyai satu dasar mengenai penggunaan, satu dasar mengenai pengurusan dan pemeliharaan sumber.

Pada masa ini dasar yang ada amat lemah dan kekurangan dan dengan memperkenalkan Rang Undang-undang ini maka saya mencadangkan bahawa pihak Kerajaan hendaklah mengambil langkah memperkenalkan satu dasar pengurusan dan pemeliharaan sumber-sumber. Dasar dan perancangan berhubung dengan penggunaan, pengurusan sumber, pekerjaan dan pendapatan pertukaran asing dan lain-lain perkara hendaklah disemak semula oleh kerana peluang-peluang yang boleh didapati dengan perluasan bidang kuasa zon. Semasa di peringkat perancangan bidang-bidang yang berikut hendaklah diliputi:

- (1) Pengurusan dan kongsi faedah daripada tambahan sumber terutamanya apabila usaha sama tempatan dan luar negeri yang terlibat.
- (2) Sumber yang dikongsi bersama dengan lain-lain negeri dan agensi-agensi antarabangsa.
- (3) Penyediaan kemudahan memproses, memasar, tabung pelaburan, pengawasan dan penguatkuasaan dan susunan rangka sokongan.
- (4) Undang-undang tambahan dan peraturan serta penguatkuasaannya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang berhubung dengan garis panduan dan langkah-langkah perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut mestilah disemak semula dari sudut rekod Kerajaan Malaysia yang ada sekarang mengenai perlindungan alam sekitar dan pemeliharaan sumber alam yang nampaknya belum memuaskan. Kerajaan hendaklah menyemak semula langkah-langkah ini demi kepentingan untuk menyediakan satu

prestasi yang lebih berkesan dan lebih baik mengenai perlindungan alam sekitar.

Adalah perlu di sentuh di sini bahawa Rang Undang-undang ini dan bidang kuasanya ke atas satu kawasan yang luas juga bermakna timbulnya konflik tambahan antara kepentingan mengeksploitasi bagi maksud perdagangan dan faedah ekonomi dan pemeliharaan serta penghidupan nelayan-nelayan pantai terutamanya di Pantai Timur. Malahan sehingga minggu ini kami telah juga membaca dalam akhbar laporan mengenai nelayan-nelayan pantai di Pantai Timur yang terjejas akibat ancaman pukut tunda oleh nelayan-nelayan asing dan tempatan yang merosakkan alat-alat tangkapan mereka.

Maka dengan itu saya berpendapat bahawa pihak Kerajaan patutlah mencari jalan untuk mengemaskan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini supaya keadaan nelayan-nelayan pantai yang dikategorikan sebagai satu kumpulan miskin di bawah Rancangan Malaysia Keempat terjamin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.29 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb April, 1980, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan sebuah zon ekonomi eksklusif sejauh 200 batu nautika daripada garis asas perairan Malaysia dengan:

(a) hak-hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidupan, dari dasar laut dan tanah bawah dan perairan superjansen, dan mengenai

aktiviti-aktiviti lain bagi pengeksploitasi ekonomi dan penjelajahan zon, pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin;

(b) bidangkuasa mengenai

- (i) penubuhan dan penggunaan pulau buatan, pepasangan dan struktur;
- (ii) penyelidikan saintifik laut; dan
- (iii) pemeliharaan alam sekitar laut.

Kerajaan telah mengambil masa empat tahun untuk bentangkan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini untuk menjamin kepentingan ekonomi dan alam sekitar Malaysia dalam Zon Ekonomi Eksklusif, membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan dan larangan aktiviti-aktiviti yang memudaratkan hak-hak sumber alam Malaysia di Zon tersebut.

Konsep Zon Ekonomi Eksklusif sudah pun diiktirafkan dalam undang-undang antarabangsa dan banyak negara-negara telah pun mengisytiharkan sesuatu jenis atau Zon Ekonomi Eksklusif. Konsep Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) telah dimajukan lanjut dalam Persidangan Ketiga Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1982 yang telah mengambil masa lebih sedekad untuk mencapai persetujuan.

Parti DAP menyokong penuh penubuhan Zon Ekonomi Eksklusif 200 batu ini kerana ia akan secara meterial menguntungkan ekonomi, keselamatan negara dan kedudukan antarabangsa kita. Penubuhan Zon tersebut boleh dilihat sebagai satu perkembangan baik, hasil percubaan yang dibuat sekian lama ini untuk menseimbangkan kepentingan negara-negara maju dan negara-negara sedang maju ke arah sebuah NIEO atau, dengan izin, New International Economy Order. Tetapi kita tidaklah

boleh berpura-pura yang kita ini tidak akan menghadapi banyak masalah dalam melindungi hak-hak ekonomi dan hak-hak berkaitan dengan sumber-sumber alam dalam Zon Ekonomi Eksklusif serta pelantar benua kita.

Di sini saya ingin membicarakan isu-isu dan masalah-masalah utama berhubung dengan Zon Ekonomi Eksklusif dan pelantar benua kita serta juga isu-isu yang sehubungan dengan Undang-undang Laut yang kita di Malaysia harus memberi perhatian yang teliti.

Isu pertama yang saya ingin membangkitkan ialah masalah pembatasan perairan wilayah dan zon bidanguasa kita yang telah menyebabkan pertikaian mengenai pemilikan pulau-pulau khususnya pulau-pulau di Laut China Selatan.

Terdapat beratus-ratus buah pulau, terumbu, dan 'cays', saya tidak tahulah dalam Bahasa Malaysia ada istilah 'cays' dalam Bahasa Malaysia tidak boleh dalam kamus-kamus, yang kebanyakannya tidak didiami manusia atau tidak boleh didiami oleh manusia termasuk Gugusan Paracel, Gugusan Spratley, Gugusan Senkaku dan juga Terumbu Tsegmu atau Tsegmu Reef di dasar laut Malaysia Timur yang telah menjadi tumpuan tuntutan pelbagai negara atas pemilikannya.

Perairan wilayah di Laut Sulu dan Celebes belum lagi ditentukan pemilikannya kerana tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pada bulan lepas, saya bagi pihak Parti DAP telah menyeru secara awam Presiden Filipina, Presiden Ferdinand Marcos, menunaikan janji yang dibuatnya tujuh tahun dahulu di Persidangan Kemuncak ASEAN tahun 1977 untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Menteri Luar Filipina, Arturo Tolentino telah mendakwa bahawa negaranya sudah pun menggugurkan

tuntutannya ke atas Sabah tetapi ini telah dicabar oleh Wismaputra dan Parti DAP menyokong penuh pendirian Wismaputra atas perkara ini.

Selagi Seksyen 2 the Republic Act No. 5446 Filipina atau the Baseline Act tahun 1968 yang menganggap Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah Filipina tidak dipinda, Kerajaan Filipina dianggap telah tidak mengambil apa-apa langkah-langkah konkrit untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Saya menyeru Presiden Marcos menunjukkan keikhlasan negara Filipina dalam semangat negara-negara ASEAN dengan mengambil tindakan yang konkrit untuk menggugurkan tuntutan Filipina yang juga akan membolehkan penentuan perairan wilayah di Laut Sulu dan Laut Celebes menerusi perjanjian-perjanjian dua hala antara kedua-dua negara.

Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP dalam mesyuaratnya yang diadakan Ahad lalu telah memutuskan untuk menghantar satu memorandum formal kepada Presiden Marcos yang menggesa beliau menggugurkan secara formal tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Penyelesaian pulau-pulau, terumbu-terumbu dan cays di Laut China Selatan pasti akan menjadi lebih rumit. Masalah-masalah kita yang mendesak buat masa kini adalah:

1. Sempadan Laut China yang paling selatan sekali yang merentas konsesen-konsesen minyak kita dekat Sabah dan Sarawak;
2. Penaklukan Amboyna Cay oleh Vietnam dalam tahun 1978;
3. Penaklukan Commodore Reef dan lain-lain kawasan di Selatan Gugusan Spratley oleh Filipina.

Akibat ketiga-tiga pertikaian ini, Kerajaan Malaysia telah memutuskan

dalam bulan Ogos tahun lalu untuk menempatkan komando-komando Malaysia di Turumbu Layang-layang iaitu sebuah pulau kecil atau atoll yang tidak subur yang akan mengecut kepada saiz tiga buah gelanggang tennis apabila air pasang Laut China Selatan menempuh Gugusan Spratley. Kerajaan juga telah mengadakan 'Latihan Pahlawan' di situ yang mana masa sebanyak enam bulan telah diambil untuk membuat persiapan baginya.

Saya difahamkan bahawa PROMET telah diberi kerja untuk membina sebuah module berharga \$18 juta yang boleh menempatkan garisen sebesar satu platon.

Parti DAP menyokong penuh tuntutan hak wilayah Kerajaan ke atas Terumbu Layang-layang dan lain-lain pulau, pulau-pulau kecil atau attols, kukup, beting, Gugusan Spratley yang semuanya terletak dalam pelantar benua Malaysia bukan sahaja kerana potensi minyaknya tetapi juga kerana kedudukan strategiknya di mana terdapat laluan-laluan udara dan laut yang menghubungkan Timur Jauh dengan Lautan India menerusi Selat Melaka dan Selat Lombok di Indonesia.

Tetapi masih terdapat ruang untuk pertikaian iaitu sama ada perbelanjaan sebanyak \$18 juta untuk membina sebuah module di Terumbu Layang-layang akan memajukan tuntutan wilayah Malaysia kerana saya difahamkan pihak tentera khasnya tidak gembira dengan pembinaan module di Turumbu Layang-layang kerana pulau kecil atau attols tersebut tidak boleh dipertahankan apabila berlakunya serangan.

Kerajaan hendaklah bersikap lebih terbuka dengan Parlimen dan rakyat berhubung dengan keputusan-keputusan yang dibuat mengenai pertahanan, dengan mengemukakan berbagai opsyen yang ada pada Kerajaan dalam menuntut hak

wilayahnya ke atas Terumbu Layang-layang dan bukan menyembunyi dengan mengatakan perkara tersebut adalah rahsia pertahanan.

Menurut kertas Persidangan Undang-undang Laut 1976 yang telah memetik angka-angka daripada U.S. Geological Survey Professional Paper No. 885, ruang lautan yang terakru bagi negara-negara ASEAN serta kedudukannya dalam dunia mengikut kawasan zon ekonomi eksklusif 200 batu adalah seperti berikut:

Indonesia ..	1,577,300 sq. n.m.—No.7
Philippines ..	551,400 sq. n.m.—No.23
Malaysia ..	138,700 sq. n.m.—No.67
Thailand ..	94,700 sq. n.m.—No.82
Singapore ..	100 sq. n.m.—No.149

Angka-angka ini cuma adalah anggaran semata-mata disebabkan terdapat tuntutan-tuntutan mengenai sempadan yang masih dipertikaikan.

Parlimen hendaklah menimbang akan implikasi-implikasi ketenteraan khasnya implikasi-implikasi laut (naval implications) sebuah zon ekonomi eksklusif kerana masalah berkait dengan penguatkuasaan telah memeningkan pihak Kerajaan dan tentera khasnya tentera laut semua negara pantai (coastal states) yang telah menuntut zon ekonomi eksklusif 200 batu itu.

Kita masih belum dapat melindungi nelayan-nelayan kita di perairan wilayah Malaysia. Maka dengan sebab itu, bagaimanakah kita boleh mula bincang cara untuk menguatkuasakan hak-hak kita berhubung dengan zon ekonomi eksklusif 200 batu?

Baru beberapa hari dahulu, Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu Selatan, Hassan Ismail, telah menuduh pihak berkuasa sebagai membuat terlalu sedikit terhadap pencerobohan perairan Malaysia yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing terutama sekali nelayan-nelayan Thai

dan Taiwan yang mengakibatkan nelayan-nelayan di Terengganu mengalami kerugian beratus-ratus ribu ringgit.

Pencerobohan nelayan-nelayan asing ke dalam perairan Malaysia telah meningkat kerana kekurangan perondaan oleh pihak berkuasa dan pada bila-bila satu masa sebanyak 50-60 bot-bot perikanan asing yang dilengkapi penuh dengan senjata boleh dilihat kira-kira 9 km di dasar laut. Nelayan-nelayan tempatan di sekitar kawasan tersebut telah diarah meninggalkan kawasan tersebut, kalau tidak mereka akan ditembak dan alat-alat penangkapan ikan serta jala-jala nelayan-nelayan tempatan akan dimusnahkan atau dicampak ke laut.

Selain daripada pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing di perairan Malaysia, nelayan-nelayan kita juga menghadapi masalah 'lanun-lanun' yang bergerak dengan menggunakan kapal-kapal tentera naval Indonesia.

Ingin saya menambah di sini bahawa walaupun terdapat perjanjian di antara Malaysia dan Indonesia mengenai penghalakan pendatang-pendatang haram Indonesia, bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia yang mendarat di pantai barat Johor dan Melaka masih tidak berkurang. Ini sekali lagi mendedahkan ketidakupayaan pihak Tentera Laut dan lain-lain pihak berkuasa kita untuk menguatkuasakan hak-hak kebangsaan kita dalam lingkungan perairan wilayah kita ialah 12 batu.

Di dalam zon ekonomi eksklusif, penguatkuasaan akan memerlukan penggunaan vesel-vesel yang mampu meronda keseluruhan kawasan zon ekonomi eksklusif, untuk beroperasi bagi jangka berpanjangan dalam cuaca yang buruk untuk mengukuhkan tuntutan negara kepada penguasaan eksklusif ZEE.

Adakah kita mempunyai vesel sedemikian yang sesuai? Jika vesel-vesel Tentera Laut yang direka untuk tujuan peperangan yang sofistikated adalah dipesongkan untuk membuat rondaan perikanan, ini akan hanya merupakan pembaziran potensi kapabiliti dan penyelewengan sumber-sumber dari tugas-tugas pertahanan.

Apakah agensi yang akan bertanggungjawab bagi menguatkuasakan hak-hak zon ekonomi eksklusif kita? Adakah ianya akan merupakan Tentera Laut (Navy), Marine Police atau apa agensi? Jabatan-jabatan Perikanan, Kastam, Pengangkutan, Polis, Imigresen, Tenaga, Alam Sekitar dan lain-lain Jabatan Kerajaan pasti mempunyai kepentingan-kepentingan masing-masing dalam menguatkuasakan hak-hak zon ekonomi eksklusif tetapi dapatkah suatu perhubungan dan suasana pekerjaan yang memuaskan serta bahagia dapat dibentuk jika mereka hanya perlu bergantung kepada vesel-vesel Tentera Laut bagi perhubungan? Saya dapat membayangkan konflik birokratik serta organisasi dalaman yang cukup hebat yang pasti akan berlaku. Ataupun, patutkah kita menubuhkan suatu agensi baru untuk menguatkuasakan hak-hak kita di dalam zon ekonomi eksklusif, dengan lebih penekanan ke atas penguatkuasaan undang-undang zon ekonomi eksklusif daripada kebolehan tentera?

Fasal 25 membuat peruntukan bagi hot pursuit—mengejar buru. Jika di mana pegawai berkuasa mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu vesel asing telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dia boleh mengejar buru vesel tersebut dengan tujuan menahan dan menangkapnya dan membawanya ke dalam zon ekonomi eksklusif mengikut undang-undang antarabangsa.

Siapakah yang akan mengendalikan 'kejaran buru' ini, dan bagaimana? Bolehkah pegawai Perikanan, Polis atau Jabatan Alam Sekitar mengarahkan Tentera Laut supaya hot pursuit atau adakah mereka akan dilengkapi dengan vesel-vesel sendiri di bawah kawalan mereka sendiri walaupun ini akan menyebabkan wujud 'multiple naval forces'?

Masalah-masalah baru ini memerlukan suatu penilaian semula akan Angkatan Tentera Laut yang wujud sekarang, dan mengaturnya menjalankan tugas-tugas yang tidak pernah diperlukan dahulu. Sebenarnya wujud keperluan mengkaji semula keseluruhan dasar Tentera Laut nasional, memandangkan zon ekonomi eksklusif.

Usaha-usaha Kerajaan di dalam sektor perikanan merupakan salah satu daripada kegagalannya, khususnya kepimpinan MAJUIKAN yang buruk dan rekodnya untuk meninggikan pendapatan nelayan-nelayan Malaysia. Nelayan-nelayan Malaysia merupakan salah satu golongan kemiskinan negara ini.

Dengan zon ekonomi eksklusif, Kerajaan patut memajukan negara kita menjadi sebuah negara perikanan laut dalam, dengan perkapalan yang boleh menjelajah jauh dari pantai untuk menangkap jenis ikan yang berharga tinggi yang mempunyai permintaan tinggi antarabangsa yang mempunyai permintaan yang luas.

Kebanyakan daripada perikanan Malaysia kini tidak melebihi 30 batu laut dan sumber-sumber dalam lingkungan zon ini terlampau dieksploitkan, mengakibatkan persaingan ganas di antara kapal-kapal tunda dan nelayan tradisional.

Malaysia mestilah maju daripada aktiviti perikanan yang kebanyakannya merupakan perikanan

pantai yang menggunakan teknik-teknik tradisional kepada industri perniagaan yang menggunakan bot-bot serta kelengkapan-kelengkapan moden, untuk mengeksploitasi sumber-sumber perikanan di dalam zon ekonomi eksklusif. Ini adalah kerana Fasal 6 Rang Undang-undang ini juga telah mengisytiharkan laut-laut yang terkandung di dalam zon ekonomi eksklusif sebagai sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertahankan perairan perikanan kita mesti mempunyai keupayaan untuk memastikan bahawa fleets negara asing tidak boleh encroach, dengan izin, dalam kawasan-kawasan perairan perikanan kita dan kalau mereka dibenarkan untuk menjalankan perikanan tidak terlalu mendedahkan perikanan di kawasan tersebut. Kita harus realistik untuk mengakui dengan bidang baru ini di mana ada kawasan 200 batu nautika diisytiharkan sebagai lautan perikanan. Kita akan menemui konflik-konflik antarabangsa oleh kerana fleets negara yang lain mereka perlu kawasan lautan yang besar untuk menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dan inilah akan menjadi satu perkara yang tentu akan timbul dan kita perlu boleh ada satu mechanism untuk menghadapi masalah semacam ini dan kemungkinan Malaysia patut dengan seriusnya menimbang untuk mengadakan satu mechanism wilayah atau regional ASEAN untuk pengurusan (management) perikanan dan juga sumber-sumber alam.

Pembesaran zon ekonomi Malaysia 200 batu sebenarnya diperbesarkan dalam kawasan Laut China Selatan sahaja, khasnya kawasan offshore Sarawak dan Sabah. Ini adalah oleh kerana dalam kawasan perairan di Semenanjung Malaysia adalah, dengan izin, "zone-locked" oleh konsep archipelago Indonesia yang diakui oleh Malaysia dan itulah halangan yang

besar yang mencegah Malaysia untuk membesarkan zon kepada kawasan maksima dalam zon ekonomi eksklusif.

Di sini saya hendak timbulkan perkara ini mengenai satu konsep yang baru yang pun ada diterima dalam Convention on Law of the Sea, 1982 dan dengan izin saya mahu bacakan dua paragraphs di sini untuk menerangkan apakah konsep perairan archipelagic.

“Archipelagic states consists of numerous islands (more than 13,000 islands, in the case of Indonesia and 7,100 islands, in the case of the Philippines). If the normal baseline were to be employed, these states would have hundreds of territorial seas separated by numerous belts or pockets of high seas.

Under the Archipelagic concept, the archipelagic states would have the right to draw straight baselines connecting the outermost points of the outermost islands and dry reefs. The waters enclosed by the straight baseline perimeters would be “archipelagic waters” (a kin to internal waters) in which the state would have sovereignty though innocent passage for vessels would be recognized.”

Sebenarnya dengan konsep perairan archipelagic, Malaysia akan dibahagikan kepada dua kawasan; Semenanjung diasingkan daripada Sabah dan Sarawak oleh kerana konsep archipelagic Indonesia. Pulau Natuna yang ada di utara Sabah dengan konsep archipelagic memecahkan wilayah Malaysia.

Pada Julai, 1982 Malaysia dan Indonesia ada menandatangani sebuah treaty di mana Malaysia menyokong, mengakui dan menerima tuntutan perairan archipelagic Indonesia. Saya rasa ini adalah satu perkara yang sangat memeranjatkan oleh kerana nampaknya Kerajaan Malaysia sudah

menyokong konsep archipelagic Indonesia tanpa menjaga dengan sepenuhnya kepentingan-kepentingan dan hak-hak Malaysia. Dalam Konvensyen, dengan izin, United Nations Convention on the Laws of the Sea, 1982 yang sungguhpun ada memberi sokongan kepada konsep perairan archipelagic, ada membuat satu peruntukan untuk, dengan izin, “air and sea navigation corridor” yang ada 50 batu tetapi dalam treaty Malaysia dan Indonesia di mana Malaysia ada mengakui konsep perairan archipelagic, “air and sea navigation corridor” ini barulah 20 batu sahaja. Kenapa kita terima 20 batu sungguhpun treaty ini ada mengakui hak-hak dan kepentingan-kepentingan Malaysia yang antara lain, dengan izin:

- the right of access and communication of Malaysian ships and aircrafts;
- the traditional fishing rights of Malaysian traditional fishermen in the designated areas;
- joint search and rescue operations including the right to jointly conduct marine research; dan lain-lain.

Nampaknya bukan semua hak-hak dan kepentingan-kepentingan Malaysia dapat dijaga. Antara lain adakah treaty ini mengakui hak-hak Malaysia overflight dengan kapal terbang-kapal terbang tentera di kawasan perairan archipelagic yang sebenarnya pun adalah zon ekonomi eksklusif Malaysia?

Saya dapati dalam United Nations Convention on the Laws of the Sea dalam tahun 1974, Malaysia masa itu sudah dengan umumnya menyokong konsep archipelagic Indonesia tanpa apa-apa reservations yang konkrit mengenai hak-hak Malaysia untuk eksploit sumber alam di mana reservations ini baru dibuat dalam tahun 1976.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri boleh membuat satu penjelasan yang penuh mengenai sokongan Kerajaan terhadap konsep archipelagic Indonesia yang memudaratkan hak-hak dan kepentingan-kepentingan nasional dan ekonomi kita. Dengan Malaysia sudah menerima dan mengakui perairan archipelagic Indonesia ini dalam treaty dan kedaulatan Indonesia terhadap kawasan perairan archipelagic, rakyat Malaysia akan menghadapi masalah-masalah di masa hadapan apabila penguatkuasaan bermula di peringkat-peringkat oleh berbagai Jabatan Kerajaan Indonesia mengenai kedaulatan Indonesia dalam perairan archipelagic yang dekat yang sebenarnya kawasan ekonomi eksklusif Malaysia.

Lagi satu perkara yang saya mahu timbulkan ialah mengenai Straits of Malacca yang menjadi satu perkara yang ada berkaitan dengan perbincangan kita. Selat Melaka sebenarnya sudah menjadi selat seperti Straits of Dover yang sangat digunakan oleh trafik-trafik dan perkapalan-perkapalan untuk mengangkut minyak, gas dan lain-lain barangan. Dua masalah yang sangat rumit yang kita menghadapi ialah masalah pollution dan masalah keselamatan. Tiga buah negara yang berpantaikan Selat Melaka—Malaysia, Indonesia dan Singapura—ada membuat beberapa peraturan mengenai keselamatan Selat Melaka. Tetapi saya rasa masa sudah sampai untuk memastikan bahawa Selat Melaka khasnya daripada segi bahaya pollution oleh kerana oil spills oleh tanker-tanker dan keselamatan perlu dijaga.

Sungguhpun tuntutan-tuntutan Malaysia mengenai Selat Melaka ialah Selat Melaka adalah kawasan Wilayah Malaysia yang memberi 'innocent passage' sahaja telah ditolak, tidak berjaya dalam United Nations' Law of

the Sea Conference dan apa yang ada dalam Convention ini ialah straits yang digunakan untuk international navigation dan memberi hak 'transit passage' kepada kegunaan antarabangsa.

Saya rasa Kerajaan Malaysia harus terus berdiri tegas untuk menentukan hak-hak kita khasnya yang pertama untuk mewajibkan prior notification khasnya prior pemberitahu atau authorisation apabila ada nuclear vessel yang mahu menggunakan, melalui Selat Melaka baik pun daripada fleet navy of the Soviet Union atau United States oleh kerana Selat Melaka begitu sempit boleh berlaku banyak perkara yang sangat memberatkan kepentingan Malaysia. Kedua, bahawa satu rejim diadakan untuk mengasingkan atau separation of traffic lanes di Selat Melaka supaya kegunaan Selat Melaka boleh diletak kepada satu asas yang teratur yang tidak akan menimbulkan masalah-masalah kepada Malaysia.

Saya ada lain-lain lagi beberapa perkara dan saya kesal sungguhpun Rang Undang-undang ini sangat mustahak dengan implikasi yang begitu luas dan panjang bahawa Dewan yang mulia ini tidak diberi masa yang cukup untuk mengkaji dan baru dibahas. Tidak guna ada masa untuk bahas kalau tiada masa untuk mengkaji. Oleh kerana kalau tiada masa untuk mengkaji apa yang dibahas tidak sebenarnya berkaitan dengan isu-isu daripada Rang Undang-undang ini. Tetapi saya harap bahawa dalam perkara Law of the Sea, negara kita boleh terus memainkan satu peranan menjaga kepentingan negara kita dan generasi-generasi akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

6.07 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya

mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif. Saya mengucapkan terima kasih juga kerana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan begitu aktif dan meluas dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah membuktikan bahawa mereka telah mempunyai masa untuk meneliti dengan mendalam segala aspek Rang Undang-undang ini dan juga memahami tentang implikasi dan sedar cara mana proses perlaksanaannya akan dilakukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ialah Wakil dari Kemaman, Jerantut, Menglembu, Tenggara, Air Hitam, Bukit Mertajam, Bandar Kuching, Padang Rengas, Padang Serai, Tampin, Ipoh, Ulu Nerus, Kuala Lumpur Bandar dan Kota Melaka. Izinkan saya menjawab semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi bukan secara satu persatu oleh kerana dari segi hujah-hujahnya sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan sebenarnya telah menyentuh perkara-perkara yang sama walaupun dari pelbagai sudut. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan terhadap Rang Undang-undang ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan ini adalah sangat menggalakkan. Antara perkara-perkara yang disentuh itu sudah tentulah selain daripada perkara-perkara yang melibatkan bahagian-bahagian kepada Rang Undang-undang ini yang telah pun memperincikan perkara-perkara tertentu, ada juga ada kaitan dengan masalah-masalah keselamatan kawasan perairan dari sudut pertahanan dan sebagainya dan

mungkin elok pada saya menghuraikan beberapa perkara yang disentuh ini mengikut tajuk-tajuk yang saya telah memilih.

Pertama, dari segi konsep zon ekonomi eksklusif sebagai tajuk yang dibahaskan. Konsep zon ekonomi eksklusif sebenarnya memberikan kepada negara-negara yang berpantai hak kedaulatan ataupun sovereign rights dan bidang kuasa terhadap perkara-perkara tertentu yang telah dinyatakan dalam pengucapan saya semalam.

Ingin saya menegaskan di sini bahawa konsep itu tidak memberi Malaysia kedaulatan wilayah (territorial sovereignty) ke atas zon tersebut atau pulau-pulau dalam zon tersebut. Mana-mana pulau yang dituntut oleh Malaysia adalah dituntut atas asas-asas yang lain dan bukannya atas ataupun atas konsep Zon Ekonomi eksklusif.

Saya ingin juga menegaskan bahawa penubuhan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia ini tidak bermakna bahawa laut wilayah Malaysia itu telah diperluaskan. Laut wilayah adalah dianggap sebagai perluasan wilayah Malaysia tetapi Zon Ekonomi Eksklusif ini adalah dianggap sebagai extra territorial iaitu di luar daripada wilayah Malaysia. Oleh itu, hak kedaulatan dan bidang kuasa Malaysia dalam zon itu adalah terhad dan bukan diumpamakan dengan hak-hak Malaysia ke atas wilayahnya sendiri.

Satu daripada perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam mempergunakan hak-hak Malaysia di dalam Zon Ekonomi Eksklusif ialah hak kebebasan navigasi kapal-kapal asing di dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia dan hak laluan transit (transit passage) kapal-kapal tersebut di Selat Melaka. Mengikut undang-undang antarabangsa hak kebebasan navigasi dan hak laluan transit hendaklah juga

diberi kepada kapal-kapal perang asing di dalam keadaan yang menasabah.

Walau bagaimanapun adalah dimaklumkan bahawa dalam laut wilayah Malaysia yang meluas hingga 12 batu nautika walaupun kapal-kapal asing mempunyai hak laluan ikhlas (innocent passage) kapal-kapal perang asing adalah dikehendaki mematuhi apa-apa undang-undang atau peraturan Malaysia berkenaan dengan laluan dalam laut wilayah Malaysia.

Menyentuh mengenai perkara pelantar benua dan penggalian seperti yang telah diperbahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ini tidak bertujuan menggantikan Akta Pelantar Benua 1966. Akta tersebut terus dipakai untuk perkara-perkara mengenai pelantar benua terutama sekali perkara-perkara penggalian.

Berhubung dengan perkara ini peruntukan dibuat dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif dan di dalam Akta Pelantar Benua untuk menubuh zon keselamatan yang meluas hingga 500 meter di sekeliling mana-mana pulau buatan, pemasangan atau struktur dalam Zon Ekonomi Eksklusif atau atas pelantar benua Malaysia bagi memperlindungan pulau-pulau buatan, pemasangan-pemasangan dan struktur-struktur itu laluan kapal di kawasan keselamatan ini boleh dilarangkan.

Ingin saya memaklumkan juga bahawa Akta Pelantar Benua mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penggalian bagi bijih galian selain daripada petroleum. Akta yang berkenaan bagi petroleum ialah Petroleum Mining Act 1966 dan Akta ini terpakai dalam Pelantar Benua. Akta ini mengandungi, di antara lain, peruntukan-peruntukan untuk membolehkan peraturan-peraturan dibuat mengenai dengan keselamatan, kesihatan, syarat-syarat pekerjaan dan

kebijakan pekerja-pekerja di pelantar carigali. Tujuan saya menggambarkan dan menunjukkan hal ini ialah supaya membantu kita memahami apa yang kita ertikan melalui Zon Ekonomi Eksklusif ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai bayaran sumbangan jika carigali petroleum dijalankan atau perkara yang melibatkan carigali petroleum sekiranya lebih daripada kawasan 200 batu nautika daripada pantai.

Saya ingin menjelaskan peruntukan tentang perkara ini tidak ada di dalam Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif tetapi dimasukkan di dalam konvensyen Undang-undang Laut 1982. Jika Malaysia mengambil keputusan untuk meratifikasikan konvensyen ini, peruntukan tersebut hendaklah dipenuhi.

Semasa ini saya hanya ingin menyatakan bahawa implikasi peruntukan ini sama ada membawa kerugian atau tidak, tidak boleh ditentukan dengan menasabah jika peruntukan itu tiada ditimbang dengan menyeluruh peruntukan-peruntukan dalam konvensyen tersebut.

Saya ingin juga mengulas perbahasan yang melibatkan perkara-perkara mengenai sempadan Zon Ekonomi Eksklusif. Seperti yang telah saya maklumkan semalam peruntukan dibuat di dalam Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif untuk membolehkan Malaysia menetapkan dengan cara perjanjian segala soal-soal berhubungan dengan persempadanan Zon Ekonomi Eksklusif di antara Malaysia dan negara-negara jiran.

Berhubungan dengan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia yang bertindih dengan kawasan-kawasan Zon Ekonomi Eksklusif negara-negara

jiran kita, yang sebenarnya banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh hal ini oleh kerana memang disedari bahawa kawasan Zon kita ini sekiranya dilunjurkan kepada 200 batu nautika sudah tentu akan menumui atau bertindih dengan kawasan yang sama jika di declare atau jika menghadapi declaration yang sama oleh negara-negara yang berkenaan.

Saya ingin menyatakan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini melalui perundingan dua hala dan berasaskan kepada perinsip-perinsip undang-undang antarabangsa. Apatah lagi dengan negara-negara jiran kita seperti juga yang telah diperakui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sentiasa mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara jiran kita oleh kerana kita juga berada di dalam satu bentuk pakatan yang sama iaitu di bawah perlindungan konsep ASEAN.

Saya sendiri tidak melihat masalah-masalah yang kita hadapi oleh kerana channel untuk kita berunding ini sudah ada.

Selain daripada itu seperti yang diketahui dari segi perhubungan antarabangsa, kita juga mempunyai apa yang kita namakan perjanjian di peringkat bilateral di antara negara kita dengan negara-negara yang lain. Dan ini merupakan satu faktor biasa di dalam hubungan antarabangsa.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat ada menyebut mengenai kedudukan kita atas pulau-pulau kecil dan besar sekiranya kita melaksanakan zon ekonomi eksklusif ini. Di antara pulau-pulau yang ada disebut termasuklah Pulau Amboyna dan Terumbu Layang-layang, Gugusan Spratly, Pulau Natuna dan pulau-pulau yang lain yang dikatakan sebagai pulau-pulau kecil yang mungkin juga sekiranya tidak pasang, ada; tetapi apabila pasang, tidak ada—atolls.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pulau Natuna bukan kepunyaan Malaysia, Pulau Natuna kepunyaan Indonesia.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan pulau-pulau yang disebut, saya tidak sebut siapa punya pulau, barangkali Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak beri emphasis kepada pointnya, saya mengucapkan terima kasih.

Walaupun Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif tidak menyentuh baik pulau-pulau di kawasan zon ekonomi eksklusif dan walaupun seperti yang diterangkan tadi tuntutan pulau-pulau tidak berasaskan konsep ekonomi eksklusif, oleh kerana beberapa orang daripada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara ini, ingin saya memaklumkan kedudukan perkara ini sekarang dan mungkin juga dapat menjelaskan pandangan kita dan kaitannya dengan konsep zon ekonomi eksklusif ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Bukankah sebenarnya pertikaian pulau-pulau Spratley, Paracel, Terumbu Layang-layang atau Amboyna Cay bukan oleh kerana masalah zon ekonomi eksklusif tetapi oleh kerana Continental Shelf iaitu berbeza daripada masalah zon ekonomi eksklusif; Continental Shelf ialah Continental Shelf.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjelaskan tadi implikasi daripada pelaksanaan zon ekonomi eksklusif ini dan ianya sudah tentulah melibatkan perkara-perkara yang sebelum

daripadanya termasuklah pertikaian di peringkat, dengan izin, Continental Shelf tadi.

Berhubung dengan pendudukan pulau kecil Amboyna oleh tentera Vietnam, ini juga ada disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah pun membantah dengan sekeras-kerasnya kepada Kerajaan Vietnam terhadap pencerobohan hak dan kedaulatan kita ke atas pulau kecil Amboyna ini. Malaysia juga telah meminta Vietnam menarik balik tenteranya dari pulau tersebut. Adalah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan untuk menyelesaikan isu ini secara aman melalui rundingan—ini penting. Sementara ini Kerajaan Vietnam juga telah memaklumkan hasratnya untuk menyelesaikan perselisihan ini mengikut cara yang sama.

Berhubung dengan Terumbu Layang-layang pula dan ini antara lain ada disebutkan, kenapa kita telah membinakan satu module yang berharga \$18 juta dan apakah maknanya ini semua? Ingin saya menjelaskan di sini bahawa sudah tentulah tindakan yang demikian merupakan satu simbol semangat bagi kita mempertahankan kedaulatan wilayah kita. Saya percaya rakyat tentu bangga dengan tindakan ini termasuk DAP yang telah menyatakan demikian, ini saya mengucapkan terima kasih . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Oleh kerana di Lautan China Selatan begitu banyak atolls, mahu tunjuk semangat kita, disetiap atoll di mana ada air pasang tidak nampak atau nampak, jadi adakah mahu buat satu module, kalau 20 atau 100 pulau-pulau kecil Cay, 20 module, berapa ratus jut ringgit untuk tunjuk sahaja semangat?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata pihak Kerajaan sudah menunjukkan

semangat dan pihak DAP telah menggesakan kita mempertahankan kedaulatan kita, di pulau yang sebelah itu sekiranya ada toll saya minta DAP membinakan satu module sebagai simbol (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Seperti yang selalu dikatakan di sini, saya akan timbangkan perkara ini.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Ingin saya menjelaskan bahawa pulau ini tidak pernah diduduki oleh kuasa-kuasa asing. Walau bagaimanapun memandangkan perkembangan-perkembangan tertentu yang telah berlaku di kawasan sekitarnya dan untuk mempertahankan hak dan kedaulatan kita, Kerajaan telah menempatkan seperti yang saya katakan tadi pasukan tentera kita ke atas Terumbu Layang-layang sejak Mei, 1983. Sudah tentulah Kerajaan telah membuat perkiraan-perkiraan untuk melaksanakan zon ekonomi eksklusif ini dan kita telah memikirkan masalah-masalah yang kita memang jangkakan boleh kita selesaikan. Apatah lagi dengan mengambil langkah-langkah mengikut saluran diplomatik yang mana kita akan asaskan kepada perjanjian-perjanjian antarabangsa, perjanjian-perjanjian di peringkat regional dan juga perjanjian-perjanjian di peringkat bilateral.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut mengenai kuasa menahan vesel yang juga menarik minat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbincangan yang telah pun juga menyentuh perkara ini. Satu daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan ini ialah mengenai kuasa Malaysia menahan mana-mana vesel ataupun kapal yang telah melakukan pencemaran dalam zon ekonomi eksklusif.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa sesebuah vesel itu dilepaskan apabila ianya membuat

suatu bayaran kepada Kerajaan, ini akan membawa kerugian kepada Malaysia. Berkaitan dengan ini ingin saya menerangkan di sini bahawa mengikut Rang Undang-undang ini bayaran yang dimaksud di dalam Fasal 15 Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif ialah bayaran deposit sahaja. Jadi kita boleh merujuk kepada Fasal 10, 12, 14 yang menentukan bukan sahaja vesel yang terlibat, tetapi juga sumber-sumber lain yang boleh kita jadikan bayaran di atas kos kerugian tersebut. Kerajaan Malaysia boleh meneruskan tindakan terhadap vesel atau kapal tersebut melalui tindakan-tindakan mahkamah kerana walaupun vesel itu dilepaskan, kelepasan ini tidak menghapuskan tanggungjawab pemunya atau nakhoda vesel itu. Dan kelepasan vesel-vesel itu adalah atas jaminan vesel tersebut akan dibawa ke mahkamah apabila dikehendaki.

Saya ingin juga menyatakan bahawa dari segi pelaksanaan dalam bidang kuasa menahan vesel ini, Malaysia juga adalah menjadi ahli di dalam Pertubuhan IMO dan juga, dengan izin, United Nations Conference on the Laws of the Sea. Dan dengan itu sudah

tentulah kita dapat melaksanakan dan juga mengemukakan masalah-masalah dalam bidang ini.

Satu tajuk penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai perkara kejar buru. Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara kejar buru ini dan menanya kerana apa kejar buru ini hendak diberhentikan sebaik sahaja vesel asing itu memasuki laut wilayah atau zon ekonomi eksklusif negaranya atau negara ketiga. Ingin saya menerangkan bahawa konsep kejar buru atau hot pursuit, dengan izin, adalah suatu konsep undang-undang antarabangsa yang telah lama diterima oleh masyarakat antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat Menteri boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*